

Jilid II
Bil. 49



MALAYSIA

Hari Khamis
11hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5093]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 5115]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 5115]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 11hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENYIBARAN UGAMA SALAH

1. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada arahan telah dikeluarkan kepada semua Majlis Hal Ehwal Ugama Islam di Negeri-negeri mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri-negeri untuk mencegah perbuatan menyibar ugama salah; jika ada sudahkah arahan itu di laksanakan dan jika belum bila.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pentadbiran ugama adalah tanggungjawab negeri masing-masing. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab bersama negeri-negeri mengambil apa-apa langkah yang sesuai untuk mencegah perbuatan menyibar ugama salah itu.

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia adalah sebuah badan penasihat dan dengan demikian tidak dapat mengeluarkan apa-apa arahan atau mengarahkan langkah-langkah yang mesti diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Apa yang biasa dilakukan oleh Majlis ini ialah memberi syor-syor dan nasihat-nasihat dan terpuhlah kepada negeri-negeri untuk melaksanakannya.

JALAN KAMPUNG

2. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak terdapat kampung-kampung di pendalaman tidak mempunyai jalan-jalan kampung yang sesuai boleh digunakan oleh rakyat negara ini. Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya jalan kampung yang ada sekarang diserahkan penyelenggaraannya kepada Jabatan Kerja Raya untuk membina ataupun membaikinya. Jika ya, bila, dan jika tidak, berapa lama lagiakah kesulitan tersebut dapat diatasi.

Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat beberapa kampung di pendalaman mempunyai jalan-jalan kampung yang didapati tidak begitu sempurna. Sebenarnya, jalan-jalan kampung dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- (a) jalan-jalan luar bandar; dan
- (b) jalan-jalan mukim dan kampung (bagi negeri Kelantan dipanggil jalan-jalan Penggawa).

(a) *Jalan-jalan Luar bandar*

Jalan-jalan luar bandar adalah dibina oleh Jabatan Kerja Raya mengikut piawaian mereka dan jalan-jalan tersebut digazet sebagai jalanraya negeri, di mana sebanyak \$5,000 bagi satu batu diberi secara grant penyelenggaraan. Penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya.

(b) *Jalan-jalan mukim, kampung dan Penggawa*

Jalan-jalan mukim, kampung dan penggawa adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan Kerajaan Negeri atau daripada peruntukan Pembangunan Luar bandar di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jalan-jalan tersebut dibina

tidak mengikut piawaian Jabatan Kerjaraya. Kebanyakan daripada penyelenggaraan jalan-jalan kampung dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui tabungnya.

Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Persekutuan telah menguntukkan sebanyak \$107 juta bagi pembinaan jalan-jalan luar bandar di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 1977 hadapan ini sahaja, sebanyak \$40 juta akan dibelanjakan. Peruntukan tersebut adalah peruntukan imbuhan.

PENAGIH DADAH

4. Datuk Albert Mah minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan mengadakan undang-undang supaya mencegah penagih-penagih dadah dari membawa kereta.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, perhatian sudah diberi bersabit dengan undang-undang untuk mencegah penagih-penagih dadah hari membawa kereta. Kajian dari beberapa aspek pula perlu dibuat sebelum undang-undang seperti ini digubal.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, oleh sebab masalah ini atau perkara ini sudah ditimbulkan dalam Rencana Pengarang *The New Straits Times* dua hari yang lalu, suka saya memberi penerangan yang lebih lanjut iaitu saya telah diberitahu oleh seorang doktor pakar dari sebuah Pusat Pemulihan iaitu ada lebih kurang 20 orang daripada yang dirawat dan dipulihkan di Pusat itu adalah pemandu kereta dan pemandu lori. Pendapat doktor pakar ini mereka ini adalah compulsive drug abusers, maknanya tidak boleh tidak mesti hendakkan dadah. Mereka ini kalau dibiarkan memandu kereta adalah mendatangkan bahaya kepada pengguna jalanraya kerana kemungkinan senang mendapat kemalangan. Doktor ini menasihatkan pihak yang berkuasa pelesen kereta menahan lesen pemandunya sehingga mereka ini tamat pemulihan dan diakui pula oleh doktor yang dia itu sudah pulih dan pula sebelum lesennya dikeluarkan atau dihidupkan semula mereka ini mesti diadakan ujian memandu (driving test) sekali lagi sebelum dikeluarkan lesennya.

Cadangan ini saya fikir adalah bagus oleh kerana ialah bagi keselamatan dirinya sendiri, keluarganya dan orang-orang awam di jalanraya.

KECEMARAN AIR SUNGAI

4. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar kecemaran air sungai yang disebabkan oleh kotoran dari kilang-kilang seperti kelapa sawit, kilang getah, kilang udang dan sebagainya menyebabkan air sungai tersebut tidak boleh dimandi dan diminum, ikan dan udang galah mati, ramai nelayan udang galah hilang mata pencarian, jika ya:

- berapa banyak sungai yang telah dicemar oleh kotoran;
- berapa banyak sungai yang telah diselamatkan oleh beliau; dan
- apakah rancangan beliau bagi memulihkan semula keadaan air sungai di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- Saya menghargai perhatian berat yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pencemaran sungai-sungai di negara kita ini. Sepertimana yang dimaklumkan, perkara-perkara ini adalah issue yang asas di dalam program kawalan pencemaran air yang sedang dirangka oleh Kementerian saya.

Berdasarkan penilaian awal yang dibuat ke atas data-data kualiti air yang diberi oleh Jabatan Parit dan Taliair dan juga kajian-kajian lain oleh beberapa jabatan termasuk Kementerian Kesihatan dan Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya, adalah diketahui sekurang-kurangnya 11 lembah sungai sedang menghadapi masalah pencemaran air yang paling ketara. Di dalam jumlah lembah-lembah sungai ini, adalah didapati 6 batang sungai telah dicemarkan dengan teruk sekali, sementara 8 batang lagi sedang dicemarkan dan lebih kurang 12-15 sungai lain boleh dikatakan mungkin akan menghadapi masalah pencemaran air.

(b) Berkenaan dengan soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua saya ingin memaklumkan di sini bahawa saya tidak dapat memastikan dengan masa yang singkat sahaja bahawa Bahagian Alam Sekitar yang baru ditubuhkan ini telahpun dapat menyelamatkan sungai-sungai yang dicemarkan. Saya hanyalah Menteri dan bukannya bomoh atau ahli silap mata atau dalam bahasa Inggeris, "a conjurer who can by touch of the magic wand transform the environment overnight". Tambahan pula Akta Kualiti Alam Sekitar baru saja diluluskan dalam tahun 1974. Bahagian ini terpaksa mengambil masa yang panjang untuk mendapatkan pakar-pakar yang mahir dan mula dapat berjalan pada bulan Mei tahun ini. Walaupun begitu, ianya seperti mana kebanyakan agensi-agensi Kerajaan yang lain, masih menghadapi masalah kakitangan dan kewangan. Dengan ini kita terpaksa merangka tugas-tugas kita dengan cara yang sistematik bermula dengan menentukan punca-punca pencemaran yang paling serius dan melakukan langkah-langkah kawalan satu demi satu. Kita sekarang adalah di peringkat awal di dalam usaha mengawal punca-punca pencemaran air yang paling ketara iaitu buangan kelapa sawit dan getah. Saya yakin apabila peringkat ini tamat, saya akan dapat menyatakan jumlah sungai-sungai yang telah dipulihkan kepada keadaan yang bersih dan produktif oleh Kementerian saya.

(c) Rancangan pemulihan mula-mula dirangka dengan penentuan lembah-lembah sungai dan aliran air yang dicemarkan dan penetapan jenis-jenis dan keluasan punca-punca pencemaran yang ada. Ini telahpun dijalankan dan perusahaan kelapa sawit, getah, dan kilang memproses makanan serta buangan bahan-bahan logam berat telah didapati merupakan punca-punca pencemaran yang serius. Standad kawalan bagi punca-punca ini sudah disiapkan ataupun di dalam proses penyiapan. Ianya akan dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat. Oleh itu, di dalam jangka masa beberapa tahun ini keadaan sungai-sungai dan aliran air di dalam negara ini akan diperbaiki

walaupun terdapat perkembangan perusahaan dan pembangunan. Kementerian saya sedang berusaha untuk mencapai tujuan ini.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa Kementerianya belum cukup kakitangan dan Akta itupun baru diluluskan, iaitu dalam tahun 1974 dan sekarang sudah tahun 1976 bermaknanya lebih kurang dua tahun. Oleh sebab itu, adakah Kementerian berkenaan bercadang berhubung dengan Kementerian Kerajaan Tempatan supaya apabila pelan-pelan sesuatu kilang itu diluluskan mestilah disyaratkan supaya peruntukan-peruntukannya disiapkan untuk mengelakkan pencemaran alam?

Soalan kedua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan ada enam batang sungai yang begitu teruk oleh pencemaran. Bolehkah Menteri berkenaan beritahu apakah nama-nama sungai yang enam itu?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan pertama, Kementerian saya sememangnya bekerja dan berhubung rapat dengan Kementerian Kerajaan Tempatan sebab mengawasi pencemaran alam sekitar itu terpulanglah kepada Kerajaan Tempatan untuk implementasinya.

Soalan yang kedua, sungai-sungai yang boleh dikatakan teruk sekali dicemarkan ialah:

- (1) Sungai Juru.
- (2) Sungai Klang dan anak sungainya seperti Sungai Bonus, Sungai Batu dan Sungai Gombak Hilir.
- (3) Sungai Muar.
- (4) Sungai Batu Pahat.
- (5) Sungai Sekudai, Johor.
- (6) Sungai Serai, Johor.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mengikut apa yang dikatakan-tadi sesuatu pembangunan itu ada dikaji bersama dengan pihak jabatan yang lain? Apa yang saya difahamkan walaupun pihak Jabatan Parit dan Taliair tidak meluluskan untuk pembangunan perusahaan itu, tetapi usaha itu diteruskan juga. Mengapakah berlaku demikian?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat dapat berikan butir-butir yang lanjut di mana tempat kejadian itu, saya boleh kaji sebab-sebabnya perusahaan itu dijalankan.

PENEMPATAN SETINGGAN- SETINGGAN

5. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan samada Kementeriannya mempunyai sebarang rancangan atau cadangan yang akan menempatkan kawasan-kawasan setingan di dalam Negeri Selangor, terutama sekali bagi setingan-setingan di kawasan Ampang (Kawasan Selayang)—sama seperti di Ipoh, di mana 740 buah kampung di perkampungan Temenggor telah dipindahkan ke Air Ganda, yang mana rumah-rumah kayu 4 bilik berserta bekalan air, api dan tandas curah telah didirikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Penempatan semula setingan-setingan adalah dalam bidang kuasa dan penyelenggaraan Kerajaan Negeri oleh sebab tanah terletak di bawah kekuasaan Negeri. Apa juga cara menyelesaikan masalah ini terpulanglah kepada kebijaksanaan dan budibicara Kerajaan Negeri sendiri.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BEKECUALI DI COLOMBO

6. Dr Hee Tien Lai minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Malaysia bersabit dengan negara-negara berkecuali dalam konteks Asia Tenggara khususnya selepas kekeciwaan yang dialami olehnya di Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali yang Kelima di Colombo.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah seperti mana yang telah saya terangkan di dalam jawapan saya kepada Soalan 12 pada 26hb Oktober, 1976 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat dan juga kepada jawapan-jawapan saya kepada soalan-soalan Yang Berhormat yang lain dalam Dewan ini.

Ini adalah nyata perbincangan mengenai konsep itu tidak dapat diadakan oleh sebab kesuntukan masa. Saya tentulah merasa berpuas hati lagi, jika sekiranya perbincangan diadakan atas konsep itu yang telah pun diterima dan diakui oleh Ketua-ketua Negara Berkecuali pada tahun 1973.

PERUMAHAN UNTUK NELAYAN- NELAYAN

7. Wan Zainab binti M.A. Bakar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kerajaan bercadang melancarkan suatu skim perumahan untuk nelayan-nelayan, dan jika ya, nyatakan tempatnya dan bilangan rumah-rumah yang akan dibina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa skim perumahan untuk nelayan-nelayan adalah termasuk di bawah taariff perumahan awam yang dilaksanakan khususnya untuk rakyat dalam gulungan berpendapatan rendah. Kerajaan telah melancarkan skim-skim itu dalam masa yang lampau dan akan terus melancarkannya lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Pada masa ini tiga buah projek perumahan yang mengandungi 340 yunit rumah kayu untuk kaum nelayan sedangpun dalam berbagai peringkat pelaksanaan di Negeri Trengganu dan termasuklah juga di Johor iaitu di Kampung Nelayan di Mersing sebagai tambahan kepada 100 yunit yang telah pun siap dibina oleh Kerajaan Negeri di tempat yang sama.

Pecahan kepada 340 yunit yang saya sebutkan yang akan diselenggarakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga itu ialah:

- (1) Projek di Pulau Redang, Trengganu iaitu projek rumah kayu sebanyak 220 yunit;
- (2) Projek rumah nelayan di Kampung Besut iaitu rumah kayu sebanyak 90 buah yunit; dan
- (3) Di Kampung Nelayan, Mersing, Johor sebanyak 30 yunit.

KEBERSIHAN HOSPITAL-HOSPITAL

8. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar hospital-hospital adalah kotor dan lantai-lantainya tidak disapu, kakitangan-kakitangannya adalah tidak berdisiplin atau telah hilang semangat dan keadaan yang mendukacitakan ini telah diakibatkan oleh parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab yang hanya mempedulikan kepentingan-kepentingan beberapa orang individu sahaja dan bukan untuk kebajikan orang-orang awam.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya menyatakan bahawa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu tidak begitu terang dan tepat. Namun begitu, suka saya menyatakan di sini bahawa kebersihan semua hospital adalah sentiasa dijaga dan kakitangan hospital sentiasa menyapu lantai-lantai hospital. Adalah tidak menasabah dan tidak mungkin bagi pentadbiran sesebuah hospital ini menjamin kawasan hospital itu bersih sepanjang 24 jam selagi orang ramai tidak memberikan kerjasama dengan membuang sampah sesuka hati mereka dalam kawasan hospital. Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Seremban menyatakan dengan lebih terang tuduhan yang sebenarnya mengenai disiplin kakitangan hospital dengan parti-parti politik kerana dua perkara ini saya rasa tidak ada kena-mengena langsung.

JAMBATAN KUALA SELANGOR

9. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan secara berterus-terang, apakah sebenarnya yang membawa kepada pembinaan jambatan di Kuala Selangor masih jua belum diteruskan dan samada beliau sedar bahawa keterangan-keterangan yang dibuat oleh Kementerian-nya, yang tidak menepati, pada masa-masa lampau, telah mendatangkan perasaan tidak percaya kepada beliau.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana perhatian

beliau dari masa ke semasa terhadap kerja-kerja pembinaan Jambatan Kuala Selangor itu. Kementerian saya sedar bahawa penyiapan projek Jambatan Kuala Selangor telah terlambat daripada yang dijadualkan pada mulanya. Walau bagaimanapun, ke-lambatan dan kegendalaan yang telah berlaku itu adalah tidak dapat dielakkan, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kegendalaan itu adalah disebabkan oleh kerana pemborong yang berkenaan tidak berupaya meneruskan kerja-kerjanya disebabkan berlakunya keadaan-keadaan inflasi dalam tahun-tahun 1973 dan 1974.

Saya suka memaklumkan bahawa tawaran telah dipanggil semula dan surat penerimaan kerja telah diberikan kepada pemborong yang baru pada 11hb Oktober, 1976. Pihak pemborong telah memulakan kerja sekarang dan Kementerian saya akan mengambil setiap usaha untuk memastikan kerja-kerja berjalan dengan lancar. Mengikut kontrak projek itu dijangka akan siap pada pertengahan tahun 1978.

PENUNTUT BUMIPUTRA DI KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar kedudukan penuntut bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman sangat berkurangan. Sehingga ini berapakah angka sebenarnya dibandingkan dengan bukan bumiputra dan apakah langkah berkesan supaya perimbangan dapat dibuat dengan sepatutnya. Berapa orangkah wakil Kerajaan dalam Kolej ini dan apakah peranan dan kesannya dalam mengiktui Dasar Kerajaan dari masa ke semasa. Sehingga ini, berapakah bantuan Kerajaan kepada Kolej itu.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, ya. Bilangan penuntut bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman adalah kecil jika dibandingkan dengan bilangan penuntut bukan bumiputra. Bilangan penuntut di Kolej itu mengikut kaum pada 16hb Ogos, 1976 ialah seperti berikut:

Melayu	...	...	71 orang
China	...	...	4,569 orang
India	...	...	254 orang
Lain-lain	...	...	8 orang
			4,902 orang

Kolej Tunku Abdul Rahman adalah sebuah Kolej persendirian dengan itu pengambilan penuntut-penuntut dibuat olehnya sendiri dan terpulanglah kepada Kolej itu untuk menerima mana-mana penuntut-penuntut yang memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Kolej itu.

Terdapat seramai 5 orang yang dilantik oleh Menteri Pelajaran dan seorang wakil yang dilantik oleh Menteri Kewangan untuk menduduki Majlis Kolej itu seperti mana yang diuntukkan menurut seksyen 1, Suratcara (Instrument) Kerajaan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman. Di samping itu juga terdapat seramai 5 lagi orang wakil Kementerian Pelajaran yang menduduki Jawatan kuasa dan Lembaga-lembaga tertentu Kolej itu.

Peranan ahli Majlis yang dilantik oleh Kerajaan adalah untuk mentadbir dan menguruskan Kolej itu seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 16, Suratcara Kerajaan kepada Kolej itu.

Jumlah bantuan Kerajaan kepada Kolej Tunku Abdul Rahman adalah seperti berikut:

Tahun	Bantuan Belanja Mengurus	Belanja Pembangunan	Jumlah
1971 ...	\$ 519,757	—	\$ 519,757.00
1972 ...	803,771	—	803,771.00
1973 ...	1,190,973	—	1,190,973.00
1974 ...	1,500,000	\$ 882,434.10	2,382,434.10
1975 ...	2,383,000	1,679,506.17	4,062,506.17
	<u>\$6,397,501</u>	<u>\$2,561,940.27</u>	<u>\$8,959,441.27</u>

Bantuan belanja mengurus untuk tahun 1976 hanya akan diketahui pada awal tahun hadapan apabila Kolej tersebut mengemukakan akaun yang telah diodit kepada Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, bantuan belanja pembangunan pada tahun 1976 setakat bulan Oktober ialah sejumlah \$1,009,484.85.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana soalan saya yang pertama iaitu apakah peranan Kerajaan ataupun Kementerian Pelajaran supaya dapat mengimbangkan di antara penuntut bumiputra dan bukan bumiputra di Kolej yang tersebut?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi telah disebutkan oleh kerana kolej itu adalah kolej

persendirian maka ia menjalankan pentadbiran dan juga pengambilan penuntut-penuntut dengan cara persendirian. Barangkali setakat hari ini ada tempat atau avenues yang lain di mana anak-anak bumiputra dapat melanjutkan pelajaran atau dapat memasuki sekolah-sekolah atau kolej itu dengan mudah. Jadi oleh kerana kolej ini kolej persendirian barangkali yuran-yuran dan sebagainya adalah tinggi sedikit. Ini menjadikan sebab-sebab yang mana sehingga hari ini tidak ramai bilangan penuntut-penuntut bumiputra jika dibandingkan dengan sahabat-sahabat yang bukan bumiputra di kolej itu. Tetapi saya mendapat tahu Kolej TAR ini membuka pintunya kepada sesiapa jua jikalau mereka mampu membayar yuran sepertimana yang dikenakan kepada penuntut-penuntut yang belajar di kolej itu sekarang. Barangkali cadangan atau soalan daripada Ahli Yang Berhormat ini boleh dapat ditimbang tetapi sehingga hari ini saya sendiri tidak mendapat tahu ada anak-anak bumiputra yang mahu masuk kolej itu. Walau bagaimanapun, ini boleh dikatakan oleh kerana kolej ini ialah sebuah kolej persendirian, tetapi kalau ada rayuan semacam itu, saya fikir kita boleh menyampaikannya rayuan ini kepada kolej itu.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpuas hati di atas fungsi Kolej TAR memainkan peranan mengembang pelajaran khususnya dalam pembinaan masyarakat Malaysia bersatu-padu setakat hari ini?

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam Dewan ini tidak berapa lama dahulu, iaitu setakat ini Kementerian Pelajaran berpuas hati dengan kemajuan yang dilakukan dalam kolej itu. Satu hakikat kita mesti terima iaitu Kolej TAR boleh dikatakan sebuah kolej di mana mata-pelajaran mata-pelajaran (subjects) yang diajar ialah selain daripada memberikan peluang kepada penuntut-penuntut yang hendak melanjutkan pelajaran mereka di pusat pengajian tinggi mereka dapat peluang melanjutkan pelajaran ke Tingkatan VI. Selain daripada itu, ada beberapa kursus diploma di dalam kolej itu yang mana perhatian lebih telah diberikan terhadap kursus-kursus teknologi yang mana pada masa sekarang negara kita masih banyak menghadapi kekurangan tenaga

mahir semacam itu. Jadi ini adalah sebuah kolej yang boleh menolong pembangunan negara kita.

Tuan H'shamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Sungguhpun maktab ini sebuah maktab persendirian, pihak Kementerian Pelajaran nampaknya tidak banyak kuasa untuk menasihatkan maktab ini di atas perkara-perkara kepentingan integrasi di dalam institusi seperti ini. Jadi saya ingin hendak bertanya sedikit samada Kementerian masih menggalakkan maktab-maktab bersendirian seperti ini pada masa akan datang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali soalan ini boleh jadi sensitif. Walau bagaimanapun, saya minta izin menjawabnya. Kalau kita mahu tahu tentang Kolej TAR ini, kita mesti tahu latar belakangnya sedikit.

Kolej ini telah ditubuhkan di dalam masa boleh dikatakan agak istimewa sedikit, dari segi keadaan politik dan akademik. Kolej ini telah ditubuhkan pada tahun 1968 dan dalam tahun 1972, kalau tidak silap saya, dapatlah "Surat Cara" (Instrument of Management) yang disampaikan oleh Kementerian Pelajaran mengandungi syarat-syarat yang mana kolej ini mestilah dapat menjalankan pentadbiran dan juga menjalankan pengajaran kursus-kursus mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan kita dan jangan ada penyelewengan daripada dasar itu. Jadi, sehingga hari ini seperti yang telah disebutkan dalam jawapan saya tadi bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah melantik lima orang pakar berkenaan dengan pelajaran menduduki di dalam Majlis Kolej itu dan juga seorang wakil daripada Kementerian Kewangan. Dari segi akademik, dari segi pentadbiran dan juga khasnya dari segi pembangunan, Kerajaan ada mengambil bahagian terutamanya dalam memberi nasihat, kalau ada sangsi yang mana jika ada penyelewengan pendaftaran kolej itu boleh ditarik balik. Jadi saya harap tidak ada apa yang kita hendak takutkan.

Selain daripada Majlis Kolej atau Majlis Penuh ini ada wakil Kerajaan juga di dalam Jawatankuasa-jawatankuasa dan Lembaga tertentu yang mana mengikut senarai saya di sini ada enam Jawatankuasa dan Lembaga yang mana Setiausaha-setiausahanya adalah daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian Kewangan dan juga dari Jemaah

Nazir Sekolah, Kementerian Pelajaran. Jadi dari segi Kerajaan yang memandang berat terhadap kolej ini, saya fikir masaalah itu tidak timbul. Kita ada wakil dan kita selalu berharap memberikan nasihat supaya kolej ini benar-benar menjalankan pentadbirannya dan juga mengawasi maktab ini agar mengikuti Dasar Pelajaran Kebangsaan negara kita.

Tan Sri Abdul Aziz Yeop Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, di antara alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyatakan sebab tidak berapa ramai bumiputra di Kolej ini kerana bayaran feesnya tinggi. Tujuan saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah alasan ini dijadikan alasan yang utama, sebab bayaran tinggi maka bumiputra tidak dapat masuk? Kerana kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, telah sampai masanya dalam golongan bumiputra banyak juga yang boleh membayar fees. Kalau tidak boleh bayar fees pun ada pertubuhan-pertubuhan yang tertentu yang boleh membantu. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adakah ini dijadikan alasan yang utama sebab tidak ramai penuntut bumiputra di dalam kolej ini?

Tuan Chan Siang Sun: Saya telah jawab tadi. Dalam jawapan saya yang mula-mula, satu sebab boleh jadi oleh kerana yurannya tinggi jadi anak-anak bumiputra tidak mampu memasuki kolej ini. Dan kalau saya tidak lupa, saya ada mengatakan barangkali ada avenue-avenue lain yang boleh memberi kemudahan-kemudahan yang mudah kepada anak-anak bumiputra. Ini satu sebab juga, bukan yuran sahaja yang menjadi sebab utama.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tadi hendak menyelamatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam memberi jawapannya. Jadi, saya tidak hendakkan sejarah atau apa-apa sebab maka lahirnya kolej ini. Yang saya hendak tahu sedikit sahaja samada Kementerian ini menggalakkan ataupun tidak akan penubuhan kolej seperti ini di masa akan datang, jawabnya kalau "tidak", "ya".

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya "digalakkan", oleh kerana dalam tahun 1972 kita telah menyampaikan suratcara kepada Kolej Tunku Abdul Rahman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Maran hendak bertanya samada Kementerian hendak menggalakkan penubuhan kolej seumpama ini di bawah susunan atau aturcara ini juga pada masa akan datang. Itu sahaja yang hendak dijawab.

Tuan Chan Siang Sun: Kita tidak menggalakkan penubuhan kolej seumpama ini di masa akan datang.

DERMA KEWANGAN KEPADA PARTI DALAM BARISAN

11. Tuan Oh Keng Seng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada tindakan akan diambil terhadap sebuah Bank yang telah membuat derma kewangan yang besar kepada parti-parti yang menganggotai Barisan, dengan menjadikannya sebagai perbelanjaan, dan dengan itu dapat mengelak cukai pendapatan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, sekiranya maklumat-maklumat yang penuh diberi, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk menentukan taksiran cukai yang sebenar adalah dibuat atas apa yang dimaksudkan sebagai perbelanjaan itu.

JURURAWAT-JURURAWAT DAN BIDAN-BIDAN

12. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar jururawat-jururawat dan bidan-bidan yang dilatih di seberang laut tidak dapat pekerjaan di sektor Kerajaan setelah mereka kembali ke negara ini dan jika ya, nyatakan:

- (a) bilangan jururawat-jururawat dan bidan-bidan yang terlibat;
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk meresapkan jururawat-jururawat dan bidan-bidan yang terlatih ini ke dalam hospital-hospital kita terutama sekali di dalam masa ini di mana kita mengalami jururawat-jururawat dan kekurangan bidang-bidang yang terlatih; dan
- (c) oleh kerana Kerajaan menggalakkan penubuhan pusat-pusat perubatan prebet yang juga mewujudkan jawatan-jawatan untuk jururawat dan bidan, mengapakah ramai daripada juru

rawat-jururawat terlatih di seberang laut ini masih belum mendapat pekerjaan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin tersalah faham dalam perkara ini. Suka saya menjelaskan sebenarnya Kementerian saya menerima permohonan untuk berkhidmat sebagai Jururawat Terlatih dari calon-calon yang terlatih dari luar negeri yang mempunyai kelulusan jururawat yang mana ada di antara mereka ini, juga mempunyai Sijil Perbidanan. Mereka ke luar negeri bukanlah semata-mata mengikuti Kursus Perbidanan. Mengenai jawatan bidan yang terdapat di Kementerian saya sukacita dimaklumkan bahawa pihak kami, Kementerian Kesihatan tidak menghadapi kesukaran untuk mengisikannya, kerana Sekolah Latihan Kementerian Kesihatan berupaya mengeluarkan tenaga bidan yang diperlukan dengan secukupnya.

- (a) Sejak tahun 1972 hingga sekarang Kementerian saya telahpun menawarkan sebanyak 936 jawatan kepada Jururawat-jururawat Terlatih dari luar program latihan Kementerian ini yang mana kebanyakannya adalah terdiri dari jururawat-jururawat kelulusan dari seberang laut. Dari jumlah ini seramai 215 orang telah menolak tawaran tersebut. Dalam tahun 1976 sahaja Kementerian saya telahpun menawarkan sebanyak 220 jawatan. Sementara itu terdapat sebanyak 81 permohonan lagi masih sedang diproseskan untuk perlantikan pada masa ini.
- (b) Kementerian saya dari semasa ke semasa akan terus mengambil bekerja jururawat-jururawat yang terlatih dari luar negeri berpandukan kepada keperluan tenaga jururawat dan kekosongan yang terdapat di Kementerian ini. Suka saya memberitahu Dewan ini bahawa Kementerian saya juga telah menerima beberapa permohonan dari calon-calon yang berumur lebih dari yang disyaratkan oleh Sekim Perkhidmatan dan Kementerian saya bercadang bagi mendapatkan persetujuan dari ejensi pusat supaya mereka ini juga boleh ditimbangkan untuk diambil berkhidmat.
- (c) Memanglah benar bahawa Kerajaan menggalakkan penubuhan pusat-pusat perubatan prebet. Bagaimanapun saya

tidaklah dapat memberitahu mengenai kedudukan permohonan berkerja di pusat-pusat perubatan prebet kerana ianya adalah di luar pentadbiran Kementerian ini. Dalam hal ini saya percaya ramai daripada Jururawat-jururawat Terlatih yang telah menolak tawaran jawatan dari Kementerian saya telahpun memasuki pusat-pusat atau hospital prebet itu. Sekiranya masih terdapat jururawat yang berkelulusan dari luar negeri yang telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan ingin berkhidmat dengan Kementerian saya, mereka bolehlah membuat permohonan supaya boleh diproses sewajarnya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai jururawat yang terlatih dari luar negeri banyak ditolak. Saya hendak bertanya, banyak kita dengar samada betul atau tidak, saya minta Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan, iaitu kebanyakan jururawat-jururawat dan bidan-bidan yang terlatih daripada luar negeri apabila hendak bekerja dengan Kerajaan kita, mereka tidak mahu bertugas di luar bandar, maka sebab itulah banyak di antara mereka tidak diterima oleh pihak Kerajaan. Kalau mereka hendak diambil bekerja oleh Kerajaan, mereka hendak menentukan iaitu hendak diletakkan di hospital yang besar-besar sahaja.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah benar akan tetapi majoriti mereka itu akan suka berkhidmat di bawah Kementerian ini dan juga mengikut apakah arahan-arahan daripada Kementerian bertugas di mana-mana tempat pun termasuklah di kawasan luar bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa ramai jururawat-jururawat yang terlatih di luar negeri telah mendaftarkan dengan Lembaga Jururawat Malaysia dan ingin berkhidmat dengan Kerajaan, akan tetapi mereka itu tidak memberi apa-apa jawapan. Jika beliau sedar samada Kement-

terannya akan mengambil langkah untuk mempercepatkan permohonan yang disampaikan oleh mereka itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri telah mengambil berat tentang perkara ini. Kadang-kadang pemohon-pemohon itu mengisi borang-borang tidak betul dan pegawai yang bekerja di bawah Kementerian ini telah menyampaikan borang-borang yang mesti diisi oleh pemohon-pemohon itu kepada sesuatu permohonan.

Adalah benar pada tahun yang lalu, tahun 1974, 1975 kita membekukan (frozen) perjawatan buat sementara oleh kerana kita menghadapi recession. Pada tahun yang lalu adalah memang susah akan tetapi pada tahun ini telah dibuka balik. Jadi mereka yang balik daripada luar negeri ke negara kita telah mendapat tawaran daripada Kementerian saya. Jikalau ada satu kes spesifik seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sila beritahu kepada saya atau kepada pegawai-pegawai saya untuk mengambil tindakan dengan sewajarnya.

LAPANGAN TERBANG SITIawan

13. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perhubungan menyatakan, bilakah Kerajaan akan memperbesarkan Lapanganterbang Sitiawan dan bilakah Perkhidmatan Udara daripada Kuala Lumpur atau Ipoh ke Sitiawan dapat dijalankan.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, padang terbang Sitiawan adalah sesuai untuk kegunaan pesawat-pesawat terbang yang diperlukan pada masa ini. Dengan yang demikian padang terbang tersebut tidak perlu diperbesarkan lagi. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Ketiga kemajuan-kemajuan untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan yang akan dikenalal oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan dijangka dimulakan dalam bulan April, 1977 di samping perkhidmatan-perkhidmatan ke lain-lain padang terbang luar bandar akan dilaksanakan. Kemajuan-kemajuan tersebut akan memberi kemudahan-kemudahan perjalanan kepada orang-ramai dan juga menyediakan keperluan-keperluan keselamatan untuk padang terbang yang berkenaan.

Tuan Racha Umong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi jawapan tentang satu lapangan terbang antarabangsa yang dibuat di Limbang. Bilakah lapangan terbang ini akan dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini tidak bersangkut Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan padang terbang Sitiawan. Berkenaan lapangan terbang di Limbang itu Yang Berhormat boleh bangkitkan pada lain kali.

PASUKAN POLIS HUTAN DI BETONG

14. Tuan Lukman bin Abdul Kadir (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar dengan pengunduran Pasukan Polis Hutan kita di Betong, Thailand baru-baru ini telah memberi kemenangan moral kepada Parti Komunis Malaya.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, mungkin pada ketika Pasukan Polis Hutan kita balik ke pengkalan dari Betong pihak Parti Komunis Malaya mendapat sedikit kemenangan moral, tetapi pihak kita sentiasa mempergiatkan langkah-langkah untuk menghapuskan semua unsur-unsur dalam Parti Komunis Malaya.

WANG PERTARUHAN \$1,500

15. Tuan Wee Ho Soon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang melonggarkan bayaran wang pertaruhan sebanyak \$1,500 daripada penuntut-penuntut yang ingin belajar di seberang laut, kerana ini mendatangkan kesusahan kepada ibubapa yang berpendapatan rendah.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telahpun memberi jawapan atas perkara yang sama pada 2hb November, 1976, yang berbunyi:

"Memandang kepada sungutan dan ke-luhan daripada ibubapa-ibubapa penuntut yang ingin belajar di luar negeri saya telah bersetuju supaya cadangan mengenakan pertaruhan wang sebanyak \$1,500 bagi seorang pelajar dibatalkan."

LAWATAN PERDAGANGAN KE LUAR NEGERI

16. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan lanjutnya hasil-hasil positif yang telah dicapai oleh lawatan perdagangan beliau ke Eropah, Kanada dan Amerika Syarikat baru-baru ini dan sejauh manakah lawatan beliau itu berjaya menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing ke Malaysia.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa lawatan saya ke Eropah iaitu ke London dan Paris dalam bulan September telah dilakukan bersempena dengan beberapa aktiviti-aktiviti terutama untuk membuka dengan rasmi Pamiran Perdagangan Malaysia di London dan Rumah Malaysia yang diubahsuaikan dan juga pusat pelaburan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan di London serta pusat pelaburan L.K.P.P. di Paris. Terlanjur berada di kedua-dua bandaraya ini kami telah mengambil kesempatan untuk mengadakan seminar-seminar pelaburan kecil dengan bakal-bakal pelabur.

Semasa lawatan singkat saya ke Paris dan London, rombongan Malaysia telah menemui lebih daripada 300 ahli-ahli peniaga dan pembiayaan kewangan yang telah diberi taklimat tentang peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Di samping itu 20 syarikat-syarikat telah mengadakan perbincangan-perbincangan individu ataupun cara perseorangan mengenai dengan ahli-ahli rombongan kami mengenai projek-projek tertentu dengan tujuan supaya kalau boleh membawa masuk projek-projek usahasama dengan pelabur-pelabur modal yang berada di dalam negeri. Pejabat-pejabat L.K.P.P. di London dan Paris sedang giat menyusul cadangan-cadangan ini dan kami percaya diberi masa yang memadai; sebilangan daripada cadangan-cadangan ini akan dilaksanakan.

Di setiap bandaraya yang dilawati oleh misi pelaburan modal (*investment mission*) di Kanada dan Amerika Syarikat baru-baru ini rombongan ini telah mengadakan sidang Pleno dan perbincangan individu dengan ahli-ahli bank, syarikat-syarikat kewangan dan perkilangan. Di sidang Pleno rombongan

ini telah menemui 536 individu yang mewakili 486 syarikat-syarikat dan jika diperhitungkan juga wakil-wakil bank, institusi-institusi kewangan dan syarikat-syarikat perkilangan yang telah ditemui di tempat-tempat lain, pertamanya di Jamuan Rasmi bolehlah dianggarkan kira-kira 900 ahli peniaga Amerika dan Kanada yang telah diperkenalkan dengan peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Dari segi perbincangan individu ahli-ahli rombongan telah menemui 88 syarikat-syarikat di Kanada dan Amerika Syarikat dan jika diperhitungkan juga perbincangan di antara ahli-ahli rombongan dan ahli peniaga mengenai projek-projek tertentu semasa jamuan-jamuan dan pertemuan-pertemuan lain, bilangan pertemuan individu secara langsung adalah kira-kira 100 orang.

Semasa lawatan ini saya telah mengadakan wawancara dengan 18 wakil-wakil mass media, suratkhbar, radio dan talivisyen dan melalui mass media ini lebih ramai lagi rakyat Kanada dan Amerika Syarikat yang telah diperkenalkan kepada negara Malaysia dan khususnya kepada peluang-peluang pelaburan yang ada di dalam negara ini.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa sambutan kepada pelabur di Kanada dan Amerika Syarikat terhadap rombongan pelaburan ini adalah memuaskan. Kami telah menerima berbagai pertanyaan di dalam masa Pleno yang mendalam mengenai beberapa perkara dari Akta-akta yang baru hinggalah pertanyaan mengenai keselamatan, penyertaan ekuiti, buruh dan kesatuan sekerja, inflasi, ASEAN dan sebagainya. Saya yakin bahawa usaha misi perdagangan ini akan menghasilkan kedatangan projek-projek usahasama yang lebih banyak khususnya daripada negeri-negeri yang telah dilawati ke negara kita.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sewaktu beliau mengadakan wawancara dengan pelabur-pelabur daripada luar negeri, dalam wawancara itu adalah pernah beliau mendengar iaitu pelabur-pelabur luar negeri ini takut datang melabur ke dalam negeri kita kerana Akta Penyelarasan Perindustrian, kerana Akta ini selalu sangat dibangkitkan di dalam negara kita seolah-olah menakutkan pelabur daripada luar negeri. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara Akta Penyelarasan Perindustrian ini bukan sahaja dibangkitkan di dalam wawancara (press conference) bahkan juga di dalam sidang-sidang Pleno yang ada dan saya serta pihak Pengerusi Lembaga Kemajuan Perusahaan telah memberi penerangan panjang lebar di atas tujuan undang-undang ini dan saya yakin ini telah menghapuskan keraguan, kebimbangan di kalangan setengah-setengah pihak yang menghadiri press conference ini dan juga sidang Pleno tentang tujuan matlamat undang-undang ini, dan saya percaya mereka yakin bahawa undang-undang ini adalah untuk kepentingan negara, untuk kepentingan perkembangan perindustrian secara licin dan baik.

Tuan Embong bin Yahya Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang perbualan Yang Berhormat Menteri dengan pelabur-pelabur asing itu, adakah mereka melahirkan satu kecurigaan hendak melabur di sini kerana adanya anasir-anasir kominis ini ataupun dengan sebab tindakan Kerajaan kepada kominis?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang ini satu daripada pertanyaan yang banyak dihalakan kepada saya dan ahli-ahli rombongan daripada mana saya dapati bahawa ada setengah pihak yang bimbang datang melabur modal di sini oleh kerana gambaran-gambaran yang telah wujud daripada berita-berita akhbar luar negeri mengatakan kedudukan keselamatan dalam negara ini adalah sangat buruk dan tidak terkawal. Jadi, adalah tugas saya dan pegawai-pegawai dalam rombongan saya itu menyatakan bahawa sungguhpun ada pengumuman-pengumuman, kenyataan-kenyataan daripada Menteri-menteri berkenaan dengan kedudukan ancaman kominis, ini bukan bermakna kedudukan keselamatan dalam negara ini adalah tidak terkawal (out of control). Ini adalah semata-mata untuk menerangkan kepada orang ramai, rayat dalam negeri ini tentang bahayanya ancaman kominis ini. Dan bersama-sama dengan kita, ada wakil-wakil daripada kilang-kilang yang sudah bergerak di sini dan mereka ini telah dipelawa memberi ucapan-ucapan di seminar ini dan telah menafikan sama sekali kenyataan yang diperbesar-besarkan yang setengahnya palsu di dalam setengah-setengah

akhtar luar negeri yang mengatakan kedudukan keselamatan dalam negara kita ini adalah tidak terkawal.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PER-BEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976 adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (10hb November, 1976).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Jasin menyambung ucapan beliau.

3.33 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya suka sekali menyambung ucapan perbahasan Belanjawan yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini berhubung dengan Kementerian Pertahanan. Saya nampak peruntukan yang telah diberi ataupun telah dibekalkan kepada Kementerian Pertahanan adalah satu peruntukan yang besar, boleh dikatakan yang kedua dalam Belanjawan yang telah diadakan iaitu sebanyak lebih \$71,346,000 diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan. Ini me-

nunjukkan Kementerian Pertahanan adalah sebuah Kementerian dan adalah sebagai harapan kepada Kerajaan kita yang akan menentukan matlamat dan menentukan keselamatan dalam negara kita. Jika sekiranya keselamatan dalam negara kita ini tidak dapat terkawal, saya percaya semua pelaksanaan rancangan pembangunan yang lain dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru tidak akan dapat dijalankan. Dengan ini saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan dengan peruntukan yang sebegitu besar yang telah dibekalkan, maka saya mengharapkan sungguh-sungguh kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat menggunakan dan dapat menambah lagi terutama sekali alat-alat kelengkapan pasukan pertahanan dengan membekalkan ataupun membeli senjata-senjata yang lebih berguna dan berkesan dan selaras dengan kehendak-kehendak dalam pertahanan dan negara Malaysia sendiri.

Saya mengharapkan juga iaitu pembelian senjata-senjata yang moden supaya dapat benar-benar pakar-pakar senjata di negara kita sendiri meneliti jangan hendaknya pada masa-masa yang lalu iaitu kedengaran senjata-senjata yang dibeli kurang dapat digunakan oleh pasukan pertahanan kita dan ada kadang kalanya senjata-senjata yang dibeli tidak dapat digunakan langsung. Perkara ini saya fikir perlulah Kementerian atau Kerajaan kita mengadakan wakil pembeli ataupun pakar-pakar kita mengkaji daripada negeri-negeri yang akan membekalkan ataupun yang kita beli supaya senjata-senjata itu dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh pihak pasukan keselamatan kita dan kita tidak mahu dengar lagi Kementerian Pertahanan membeli senjata, orang ramai atau rakyat tahu bahawa senjata itu tidak sampai kemari dan tidak dapat digunakan, bahkan ada kadangkala senjata sampai, belum digunakan lagi sudah tidak boleh digunakan. Ini saya harap kepada Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian yang tegas.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempergunakan Mesyuarat)

Selain daripada itu, saya suka juga mengutarakan dalam masaalah pertahanan, perlu juga Kerajaan menambah lagi pasukan tentera di dalam negara kita ini memandangkan kemaraan gerakan komunis yang datang

ataupun yang ada dalam negeri kita lebih-lah lagi pasukan-pasukan kominis, bukan kata bahagian lelaki sahaja bahkan lengkap dengan tentera wanitanya ataupun pasukan wanita yang bergerak di dalam negara kita yang hendak menghancurkan-leburkan negara kita ini. Maka dengan ini, saya suka menyatakan atau meminta kepada Kementerian yang berkenaan perlu kita menambahkan ahli-ahli pasukan tentera di samping itu barangkali kalau kita hendak mengambil dan melatih ahli-ahli pasukan tentera yang baru tentulah memakan masa, dengan itu saya mengharapkan supaya tentera wataniah yang ada di seluruh negara kita sekarang ini diiktiraf menjadi sebahagian tentera biasa. Di samping itu, tentera wataniah wanita juga perlu diperbesarkan lagi untuk membuat persamaan, perseimbangan pasukan pertahanan kita untuk hendak menentang anasir-anasir musuh dari dalam ataupun dari luar.

Di samping itu juga Kementerian hendaklah mengkaji bukan sahaja membesarkan pasukan tentera kita tetapi bayaran dan gaji pasukan tentera ini hendaklah juga dibuat kajian dari masa ke semasa supaya selaras dengan pendapatan dan ekonomi pada seseorang ahli pasukan tentera di dalam negara kita, kerana telah banyak sungutan yang telah saya sendiri terima daripada ahli-ahli pasukan tentera, mereka menyatakan pada kami, ia tidak ada mempunyai persatuan kerana sebagai disiplin telah merayu kepada saya untuk mengemukakan kepada pihak yang berkenaan Kementerian dan Kerajaan supaya menimbangkan dan diselarasakan dengan pendapatan bayaran iaitu dengan gaji pasukan keselamatan yang lain dan pasukan tentera, rasa saya adalah amat berkurangan sekarang ataupun tidak setimpal dengan urusan dan kerja-kerja pasukan keselamatan dan tentera kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan Kementerian Perhubungan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Perhubungan yang baru-baru ini telah dapat melancarkan sebanyak 20 buah gerabak keretapi baru ataupun train car daripada Pulau Pinang/Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur/Johor Bharu terus ke Singapura. Ini adalah satu perkara yang saya rasa suatu perkembangan baru yang telah dapat dijalankan oleh pengangkutan keretapi Tanah Melayu. Di samping itu, saya ber-

harap kepada Kementerian Perhubungan disebabkan keadaan masa telah sampai walaupun ada beberapa perubahan yang telah dijalankan oleh Kementerian Perhubungan melalui perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, ada dua tiga perkara yang perlu juga diperbaiki, terutama sekali walaupun gerabak-gerabak ataupun coach tempat duduk Kelas Satu dan Dua telah dapat diperbetulkan, tetapi ini belum lagi mencukupi untuk masaalah hendak menyelesaikan pelaksanaan pengangkutan Keretapi Tanah Melayu kita. Saya katakan begitu Keretapi Tanah Melayu ini sehingga sekarang kebanyakan menggunakan alat-alat cara lama terutama sekali bila keretapi hendak bergerak masih menggunakan lagi lanting hijau pada tahun 1916 dan membunyi wisel. Ini saya rasa perlulah bagi pihak Kementerian yang berkenaan mengubah dengan alat yang lebih sesuai pada masa sekarang. Di samping itu juga, saya mengharapkan Ordinan Keretapi Tanah Melayu yang ada masih menggunakan Ordinance, 1948. Ini masih belum merdeka, pada hal negara kita telah merdeka pada tahun 1957, tetapi Ordinance Keretapi Tanah Melayu, 1948 masih lagi digunakan. Jadi saya fikir dengan sebab itulah perlu dibuat perubahan-perubahan pentadbiran dan perjalanan keretapi ini walaupun baharu-baharu ini kita tahu ada berita mendapat kemajuan dan sebagainya tetapi masih juga belum dapat memuaskan kepada seluruh penumpang-penumpang yang masih menggunakan perjalanan keretapi. Apalah salahnya Ordinan Keretapi, 1948 ditukar kepada ordinan baru yang sesuai dengan kehendak-kehendak masa dan kehendak negara iaitu kepada Ordinance Keretapi Malaysia, 1976. Maka ini adalah lebih sesuai bila sesuatu perubahan peraturan itu adalah beberapa perubahan yang akan dapat dijalankan dapat diterima oleh selera rakyat atau penumpang-penumpang di tanahair kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah apa-apa cadangan pindaan kepada isi Ordinan 1948 itu?

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Belum ada lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya meminta pihak Kementerian merangka dengan sesuai.

Selain daripada itu, berhubung dengan Kementerian Perhubungan juga saya suka menyentuh masaalah perkapalan di negara

kita ini. Sehingga sekarang sistem perjalanan kapal khususnya saya rasa ketika tiba musim rakyat negara kita ini hendak menunaikan fardhu haji malang dan dukacitanya dua buah kapal kita telah menghadapi kebakaran. Jadi ini saya pun tidak faham. Dengan adanya dua buah kapal haji yang telah terbakar itu iaitu Great Malaysia Line maka tinggalah sebuah kapal sahaja membawa orang haji. Dengan adanya sebuah kapal maka tidak mencukupi. Ada jemaah-jemaah haji yang telah bercadang hendak naik kapal oleh kerana kurang kemampuan sedikit mana telah ketinggalan dan tidak jadi menunaikan fardhu haji. Walaupun perkara ini kalau kita tanyakan kepada pihak Tabong Haji, Jawatankuasa Lembaga Tabong Haji pas kepada pihak perkapalan ataupun kepada Kementerian. Jadi antara pas mengepas jemaah-jemaah haji pun banyak yang terlepas dan tidak dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini.

Oleh itu, saya berharap supaya kajian hendaklah dijalankan oleh Kementerian berkenaan dalam masalah kebakaran dua buah kapal Great Malaysia Line yang kita telah sedia maklum itu. Janganlah hendaknya jawapan diberi bahawa kebakaran ini adalah secara biasa. Jadi rakyat tahu tiap-tiap satu kebakaran itu tidaklah boleh dijawab dengan hal itu perkara biasa, kehendak Tuhan. Jadi saya rasa ini adalah kurang sehat. Saya harap dapat dibuat pengkajian yang sebenarnya supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi dalam masalah perkapalan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya iaitu sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan yang telah membuat peruntukan Perbekalan dan Pembangunan bagi tahun 1977 di negara kita ini, mudah-mudahan keseluruhannya mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan, Pegawai Pentadbir Kerajaan dan juga pihak rakyat seluruhnya. Saya percaya perlaksanaan Belanjawan dan Pembangunan ini dapat disalurkan kepada rakyat keseluruhannya.

3.50 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Beruas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyentuh sepetah dua kata mengenai ucapan Belanjawan 1977 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya ingin menyatakan bahawa Belanjawan negara itu

keseluruhannya manasabah dan adil terutamanya akan memberi faedah kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Belanjawan ini sebenarnya akan memberi satu cahaya harapan serta nafas baru kepada orang miskin dan ianya merupakan satu hadiah istimewa dan durian runtuh kepada mereka yang selama ini telah memikul beban berat dan merasai penderitaan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi tahniah kepada Kerajaan kerana sudi menanggung kerugian untuk memelihara kepentingan dan keperluan rakyat. Inilah satu dasar yang berpraktikal kerana ianya tidak menekankan orang miskin tetapi yang berada. Kesedaran sebegini semestinya akan menggalakkan pertambahan ekonomi dan pembahagian pendapatan yang saksama serta memperkukuhkan perpaduan rakyat jelata lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran yang terdapat di negara perlu diperbaiki dari segala sudut dan dimajukan lagi selaras dengan keperluan kehendak rakyat serta setaraf dengan negara-negara yang maju. Sistem kita masih mengutamakan sijil-sijil tanpa menyediakan seseorang bagi pekerjaan kemahiran sesuai dengan kemahuan negara.

Akibat dari ini adalah serious kerana ianya menyebabkan pengangguran antara kalangan cerdik pandai. Berhubung dengan ini, sering kali kita dengar bahawa mahasiswa-mahasiswa, siswazah-siswazah yang mempunyai kelayakan serta pengalaman luas masih menjadi penganggur. Saya rasa keadaan sebegini adalah merbahaya dan ianya adalah pelajaran susut atau "education wastage". Sebarang langkah yang diambil oleh Kerajaan haruslah seimbang dengan pengeluaran dan keperluan negara kita.

Kedua, walaupun Bahasa Malaysia telah pun menjadi bahasa rasmi dan pengantar semua medium sistem pelajaran di negara ini, tetapi masih terdapat kelemahan-kelemahan yang boleh diatasi. Misalnya, ketiadaan buku-buku sesuai dalam Bahasa Malaysia untuk memenuhi hasrat dan objektif ini secara berkesan dan berpraktikal. Di sini pendidik-pendidik dan cerdik pandai perlu digalakkan menulis lebih lagi buku-buku dalam Bahasa Malaysia sesuai dengan keadaan, masa dan kehendak negara. Juga langkah-langkah tegas diambil meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di pelusuk

lapisan masyarakat terutama sekolah-sekolah perantaraan Tamil dan China. Begitu juga bahasa Inggeris kepada sekolah-sekolah Kebangsaan.

Dalam hal ini, guru-guru sementara yang berkhidmat sebagai guru bahasa diberi dengan segera supaya memenuhi hasrat itu. Tambahan pula, saya mendesak Kerajaan untuk membuka lebih pusat latihan perguruan tempatan yang bertujuan bukan sahaja menyenangkan proses pengambilan dan latihan, tetapi mengurangkan perbelanjaan dan kesusahan yang dirasakan oleh guru-guru sementara yang kurang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berhubung dengan pentadbiran dan pelaksanaan peperiksaan. Setiap tahun kita mendengar kebocoran kertas peperiksaan yang mengurangkan keyakinan terhadap kejujuran peperiksaan di negara ini. Sendiket-sendiket yang terlibat haruslah dibawa ke mahkamah dan dihukum berat. Di samping itu, Kerajaan perlu mengadakan kawalan ketat dan serius terhadap simpanan dan pengeluaran kertas supaya tidak jatuh ke tangan orang yang menyalah-gunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat merunsingkan ialah penuntut-penuntut kita yang belajar di negara-negara seberang laut seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Nampaknya, mereka ini telah menyimpang dari tujuan asal iaitu menuntut pelajaran mereka. Sebaliknya mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan anti-nasional bertujuan memburukan imej baik Kerajaan kita. Bukan sahaja ini, mereka juga melakukan dakwah dan lain-lain yang menyebabkan pelajaran mereka merosot. Saya berpendapat bahawa Kerajaan perlu mengadakan satu "tata-susila penuntut" di sebarang laut supaya mereka dapat memperoleh apa mereka ingin mencapai tanpa pengaruh buruk atau aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pelajaran mereka merosot dan susut. Kerajaan haruslah mengkaji perkara ini secara teliti dan memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memajukan perpustakaan tidak mencukupi dan amat kesal sekali ialah di peringkat sekolah di mana ia tidak mendapat sambutan baik dan dalam keadaan kucar kacir. Saya rasa bahawa kemajuan perpustakaan bukan bergantung kepada jumlah buku yang ada tetapi kepada tenaga terlatih. Guru-guru sekolah haruslah

diberi latihan sesuai supaya sistem perpustakaan sekolah dikendalikan dengan lebih teratur dan berkesan. Satu daripada cara untuk memajukan perpustakaan ialah melalui pertandingan menulis novel, buku-buku bergambar serta alat sebaran am seperti talivisyen, radio dan akhbar atau penerbitan majallah tempatan. Perlu ditegaskan juga bahawa Kerajaan kita boleh mengamalkan sistem penukaran buku-buku antara negara-negara asing dengan kita. Selain daripada itu, Kerajaan dapat juga membekalkan perpustakaan awam kita itu dengan alat-alat kegunaan harian seperti alatan perumahan, rekod-rekod muzik, permainan untuk kanak-kanak iaitu catur dan sebagainya yang boleh dipinjamkan kepada ahli-ahli perpustakaan. Cara itu tentulah dapat menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perpustakaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menentuh juga kepada Kerajaan supaya menimbang kemungkinan membenarkan guru-guru berkecimpung dalam hal politik negara. Sekatan yang dilakukan sekarang adalah tidak perlu kerana golongan cerdik pandai ini boleh memberi idea dan pendapat yang membina kearah kemajuan rakyat dan negara. Ada setengah orang yang berpendapat bahawa sekiranya guru-guru ini terlibat penuh dalam hal politik negara, maka mereka akan cuai dalam tanggungjawab dan tugas sebagai seorang pendidik, tetapi fahaman sebegini adalah kurang sihat, kerana sumbangan mereka dalam politik dianggap berfaedah tanpa menepikan tugas-tugas penting untuk mendidik anak-anak kita menjadi seorang warganegara yang tulin dan bertanggungjawab. Ramai guru-guru akan merebut peluang ini dengan gembira selaras dengan amalan sistem demokrasi. Saya harap langkah-langkah perlu diambil supaya sistem pelajaran kita dapat memenuhi hasrat dan keperluan rakyat dan negara.

Sekarang, saya ingin bercakap mengenai perikanan dan kedudukan nelayan di negara kita. Seperti mana yang kita sedia tahu bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah sesuai untuk memajukan lagi sistem perikanan. Walaupun langkah-langkah tegas diambil, kedudukan nelayan masih penuh dengan penderitaan dan kesusahaan. Oleh itu, saya mendesak Kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan miskin ini supaya dapat mereka menikmati Kemajuan dan kekayaan negara. Kerajaan haruslah membekalkan kewangan tetapi juga memberi

alat-alat moden seperti engin, jala dan juga bot, seperti mana yang diberi oleh Kerajaan Perak bagi nelayan kawasan Pantai Remis baru-baru ini. Lebih lagi lesen-lesen dikeluarkan supaya orang yang berminat dapat mengambil peluang ini mencari rezeki sendiri. Juga nelayan-nelayan dilatih untuk menggunakan kemudahan-kemudahan moden supaya pengeluaran mereka bertambah serta meninggikan pendapatan mereka. Saya harap agar Rancangan Malaysia Ketiga ini akan menumpukan perhatian supaya segala galakan dan kemudahan dibekalkan memberi satu nafas baru kepada golongan nelayan yang lama ketinggalan dalam kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin bercakap mengenai masalah perumahan di negara ini. Yang kian menjadi perkara rumit yang dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dari masa kemasa walaupun boleh dikatakan berpraktikal tetapi masih tidak mencukupi. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, hanya 484,000 rumah telah dibina oleh kedua sektor Kerajaan dan swasta. Sementara rumah-rumah yang disediakan oleh sektor swasta sangat mahal menyebabkan orang berpendapatan rendah tidak mampu memperolehnya. Hanya orang kaya boleh membeli rumah-rumah itu, sikap pihak swasta adalah kurang sihat, kerana mereka sentiasa mencari keuntungan kelebihan dan membiarkan kebajikan orang awam. Sementara rumah-rumah murah yang disediakan oleh pihak Kerajaan amat kurang dan ada kalanya tidak begitu murah dalam konteks kemampuan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, polisi Kerajaan untuk memperolehi rumah sendiri tidak akan tercapai dalam beberapa rancangan yang akan datang sekiranya langkah-langkah perlu tidak diambil untuk mengatasinya secara berkesan. Sekarang ramai orang di negara ini khususnya orang yang berpendapatan rendah menduduki tanah haram. Masalah setingan telah menjadi serius. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkan kemungkinan menyediakan lebih lagi rumah-rumah murah dan berekonomi bukan sahaja melawan masalah setingan bahkan juga memberi nafas baru yang bermakna kepada polisi memperolehi Rumah Sendiri. Sebagai permulaan, Kerajaan haruslah membekal tanah untuk mendirikan rumah dan

juga menggunakan kayu-kayuan untuk membina rumah secara meluas. Saya mendesak Kerajaan mengikuti sistem Projek Kemajuan Desa seperti di negara Indonesia. Satu cara adalah meluaskan sempadan kawasan kampung-kampung baru serta mengeluarkan geran rumah dengan segera supaya dapat mereka membina rumah di tempat masing-masing. Tanah-tanah terbiar seperti lombong bijih timah yang tidak digunakan lagi boleh diberi kepada orang awam untuk mendirikan rumah mereka sendiri. Tambahan pula Kerajaan perlu mencampurtangan pihak swasta supaya kawalan dan sekatan dikenakan atas pemaju yang tidak pedulikan mutu yang ingin mencari keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada ucapan Belanjawan Negara, saya ingin bercakap sedikit tentang perkara (9) iaitu pelaburan swasta. Walaupun pelaburan awam adalah memuaskan tetapi saya rasa pelaburan swasta tidak berkembang seperti dikehendaki iaitu mengikut perkembangan ekonomi. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan untuk menambahkan pelaburan dengan mengambil langkah-langkah menarik.

Menyentuh tentang perkara (12), iaitu sektor perkilangan, saya akan mendesak Kerajaan untuk menggalakkan lebih lagi joint ventures dan mendirikan kilang-kilang terutamanya di kawasan luar bandar. Ini bukan sahaja akan mendatangkan keuntungan besar kepada Kerajaan dari segi ekonomi bahkan akan menyelesaikan masalah pengangguran dari segi sosial.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara (38), iaitu cukai pendapatan perseorangan, saya rasa kesemua orang akan mengalu-alukan pemotongan cukai pendapatan \$60. dan \$30 bagi isteri yang tidak berkerja. Tetapi walaupun mereka diberi pelepasan cukai mereka tidak boleh menyimpan wang ini kerana harga barang-barang keperluan melambung tinggi lagi dan adalah menasabah sekiranya Kerajaan dapat mengawal harga barang-barang tersebut dari naik tinggi lagi.

Mengenai perkara (75) iaitu cukai jalan atas motosikal, saya rasa ini adalah tidak menasabah, kerana kebanyakan orang yang berpendapatan rendah menggunakan motosikal lebih daripada kereta. Sebab yang utama ialah motosikal itu dianggap sebagai satu cara pengangkutan jalan yang mudah sesuai

dan berekonomi kini. Petani, pekedai-kedai runcit, penoreh-penoreh getah dan pekerja-pekerja ladang lombong dan lain-lain amat memerlukan motosikal bukan sahaja untuk perjalanan harian bahkan mengangkut barang-barang dari satu tempat ke satu tempat lain. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan untuk mengecualikan cukai jalan atas motosikal seperti membawa teksis dan kereta sewa. Dalam hubungan ini, saya ingin menarik perhatian Kerajaan bahawa adalah amalan baik untuk menggunakan sepenuhnya hasil yang diperolehi melalui cukai bagi keperluan pembangunan.

4.08 ptg.

Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan Belanjawan, 1977 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada minggu yang lalu.

Saya percaya Belanjawan, 1977 ini membawa ketenteraman dan ketenangan fikiran seluruh masyarakat yang ada di dalam negara kita khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah kerana cukai-cukai yang dinaikkan tidak melibatkan pendapatan mereka yang hanya hidup cukup untuk menampung keperluan seharian-hari. Walau bagaimanapun, saya suka mengambil perhatian di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mengawal dan mengawasi atas kenaikan harga barang-barang keperluan kerana dikuatirkan peniaga-peniaga akan mengambil kesempatan ini daripada cukai yang dikenakan kepada barang-barang apa yang dikatakan barang-barang mewah dan separuh mewah sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara ini sangat berpuas hati dengan perasaan yang gembira atas Belanjawan 1977 ini, namun begitu masih juga terdengar perasaan tidak puas hati yang dibuat oleh Ahli-ahli Parti Pembangkang. Kita berharap pihak Pembangkang hendaklah mengambil perhatian bahawa Dewan ini adalah tempat yang sangat dihormati dan disanjung tinggi dan bukan tempat atau gelanggang untuk melomparkan perasaan iri hati dan cemburu atas kejayaan Kerajaan Barisan Nasional yang telah dapat membuktikan segala ran-

cangan Kerajaan dari semenjak negara kita mencapai kemerdekaan, jika hendak dibandingkan dengan cara pemerintahan penjajah dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Belanjawan 1977 saya suka menyentuh sedikit sahaja perkara berhubung dengan peruntukan kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri yang ada dalam negara kita ini. Mengikut pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri bahawa di dalam Rancangan Malaysia Ketiga keutamaan peruntukan akan diberi kepada negeri-negeri yang mundur dan kurang maju. Saya sokong atas sikap atau konsep yang dibuat itu kerana konsep ini dapat mengimbangkan serta menstabilkan kedudukan negeri-negeri yang mundur dan kurang maju itu dengan negeri-negeri yang sedang membangun dan sedang menuju ke peringkat kejayaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, negeri-negeri yang sedang membangun dan untuk mencapai kepada peringkat kejayaan bagaimana yang didiamkan dan dicita-citakan itu juga memerlukan bantuan, kemudahan dan pertolongan khususnya dari segi bantuan kewangan oleh Kerajaan Pusat sendiri. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, negeri Johor merupakan salah sebuah negeri yang sedang membangun dan saya percaya kedua-dua pihak samada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat tentu berkehendakkan kemajuan tercapai dari segi pembangunan itu mengikut bagaimana jadual dan matlamat yang dicita-citakan. Oleh sebab kadang-kala keadaan tidak mengizinkan dan perancangan ataupun peruntukan tambahan diperlukan maka perhatian yang serius hendaklah diberikan dengan segera dengan tidak melengah-lengahkan supaya segala rancangan itu tidak akan tergendala. Saya sangat berharap pihak Kementerian Kewangan dapat mengambil perhatian untuk mengkaji semula peruntukan di dalam memberi perbekalan peruntukan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat dikaji semula di dalam mid-term review yang akan datang kelak. Dalam hal ini diharapkan pihak yang berkenaan pula janganlah menyampaikan peruntukan perbekalan itu kepada Kerajaan-kerajaan Negeri terlalu lewat masanya sehinggakan kadang-kala peruntukan anggaran itu diberi hampir-hampir akhir tahun iaitu pada bulan Oktober-November barulah Kerajaan Negeri itu menerima peruntukan bagi rancangan yang dimaksudkan itu. Dan

ini juga adalah menyusahkan keadaan pelaksanaan pada peringkat Kerajaan Negeri dan apabila sampai cukup tahun dan apabila hendak mengemukakan permohonan untuk mendapatkan revote, maka ini juga memakan masa yang lama dan dengan demikian keadaan pembangunan yang sedang dirancangan itu tentu akan tergendala sekiranya peruntukan itu tidak diberi dengan lebih awal lagi. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah di Dewan ini dapat pihak yang berkenaan mengambil satu sikap yang tegas bagi menyalurkan peruntukan-peruntukan yang dikehendaki itu dengan lebih awal lagi bagi memudahkan pihak Kerajaan di peringkat negeri yang berkenaan itu menjalankan daya usaha dari segi membangunkan kemajuan di negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perusahaan getah di bawah Kementerian Perusahaan Utama. Getah adalah merupakan hasil negara yang terpenting dan perusahaan getah memainkan peranan yang sangat mustahak di dalam negara kita ini. Perusahaan getah di Malaysia mengandungi dua sektor yang terpenting, iaitu pekebun kecil dan juga estet. Kebanyakan daripada pekebun kecil ini ialah dikawasan kampung pendalaman di mana orang-orang Melayu tinggal. Estet pula adalah dipunyai oleh badan-badan berkanun yang kebanyakannya dipunyai oleh orang asing.

Mustahaknya pekebun kecil ini tidak boleh dinafikan baik dari segi pengeluaran mahupun dari segi kehidupan sehari-hari. Umpamanya, dalam tahun 1970, 70% daripada rakyat Malaysia tinggal di kampung. Sektor pekebun kecil sahaja meliputi 65% daripada jumlah bermelion ekar tanaman getah di seluruh Malaysia. Demikian juga kalau di lihat dari segi pendapatan negara ini sendiri.

Kerajaan memang telah menyedari akan mustahaknya perusahaan getah sejak awal-awal lagi. Hakikat ini telah terbukti dengan penubuhan beberapa infrastruktur pembangunan seperti RIDA kemudian RISDA dan FELDA. Yang agak terpenting sekali ialah tertubuhnya RRI di mana segala penyelidikan getah dapat diselenggarakan dengan lebih teratur dan berkesan. Ini disebabkan bahawa segala kejayaan getah dan juga pekebun-pekebun kecil bergantung kepada pengeluaran getah yang lebih ber-

mutu. Tingginya mutu getah bergantung pula kepada penyiasatan tentang pokok getah, penyakit-penyakit getah dan lain-lain lagi dilakukan oleh RRI. Segala hasil-hasil penyelidikan di RRI disalurkan kepada badan-badan pembangunan seperti RISDA untuk diselenggarakan. Dengan cara begini pekebun-pekebun kecil mendapat menafaat penyelidikan getah dan seterusnya meninggikan lagi pendapatan mereka. Walaupun banyak rancangan-rancangan yang pesat telah dilakukan terdapat kekurangan penerimaan di kalangan pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Sebagai contoh pada tahun 1974 hanya 67 peratus daripada pekebun-pekebun kecil menanam semula getah-getah tua. Demikian juga timbul beberapa masalah di rancangan pembangunan seperti FELDA di kalangan peserta-peserta itu sendiri. Pada sangkaan saya ada dua faktor yang penting yang menyebabkan lambat menerima teknologi-teknologi baru. Yang pertama ialah implementasi dan kedua ialah penerimaan (adoption). Implementasi ialah tanggungjawab Kerajaan melalui semua infrastruktur pembangunan dan yang kedua bergantung kepada pekebun-pekebun kecil samada mereka mahu menerima atau tidak bergantung kepada sikap pengetahuan dan kedudukan pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Malangnya pengetahuan kita tentang pekebun-pekebun kecil sangat sempit oleh kerana kurangnya penyelidikan yang dibuat tentang pekebun-pekebun kecil. Oleh sebab itu, maka tidaklah dapat kita membuat apa-apa kepastian samada pekebun-pekebun kecil itu mahu maju, dinamis, kolot atau lain-lain sifat yang menggalakkan atau menghalang kemajuan.

Bemacam-macam tuduhan dibuat tentang sikap pekebun-pekebun kecil dan ini jangan disalahkan pekebun-pekebun kecil kerana mereka tidak diberi perhatian yang berat. Malah di dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan juga yang Ketiga ini penumpuan berat diberi kepada pembangunan ekonomi berdasarkan kenaikan pendapatan sahaja tanpa menghiraukan soal manusia yang terlibat di dalam soal-soal pembangunan itu sendiri. Itulah sebabnya FELDA dewasa ini menerima berbagai-bagai masalah peneroka kerana mereka itu manusia yang FELDA pada awal dahulu tidak memberi keberatan. Soal yang agak penting sekarang ini ialah memberatkan pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Maksud

saya di sini ialah kita harus membuat pengkajian yang lebih mendalam dan saintifik tentang pekebun-pekebun kecil yang ada di dalam negara kita ini. Ini termasuklah soal keperibadian mereka, susun-cara masyarakat mereka, fungsi dan struktur masyarakat pekebun-pekebun kecil itu sendiri dan segala soal-soal masyarakat. Cara mengimplemen-tasikannya terpulanglah kepada Kerajaan kita sendiri tetapi saya suka lah mencadangkan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan patutlah menubuhkan satu Badan Penyiasatan Masyarakat ataupun mengadakan serta melaksanakannya melalui badan-badan berkanun seperti RRI atau juga melalui Universiti-universiti atau kolej-kolej pengajian tinggi. Dengan tertubuhnya disiplin ini maka kita lebih mengetahui selok-belok masyarakat kita dan dapat melaksanakan serta penerimaan segala teknologi dan pemodenan baru di kalangan pekebun-pekebun kecil khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh daripada segi Perkhidmatan Keretapi di bawah Kementerian Perhubungan. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum pada tahun-tahun yang sudah kita dapati Perkhidmatan Keretapi menghadapi kerugian yang sangat besar tetapi perkara ini hanya dapat diatasi beberapa tahun yang lalu yang mana dengan adanya kebijaksanaan daripada pihak Pentadbiran Keretapi maka perkara ini dapat dijalankan dengan keadaan yang sempurna dan lebih memuaskan daripada segi untuk mendapatkan keuntungan yang lebih berkesan lagi. Walau bagaimanapun, pihak Pentadbiran Keretapi saya percaya mempunyai harta yang banyak yang patut diselenggarakan oleh pihak Pentadbiran Keretapi sendiri bagi memajukan usaha-usaha untuk mencapai kepada tujuan dan matlamat bagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini. Saya telah difahamkan bahawa pihak Pentadbiran Keretapi ada mempunyai tanah yang beratus ribu ekar luasnya di seluruh Semenanjung Malaysia ini yang tidak dapat diusahakan sedangkan tanah-tanah itu adalah tinggi nilainya jika hendak dibandingkan dengan tanah-tanah yang terdapat di dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai contoh di dalam kawasan pilihan-raya saya sendiri satu kawasan tanah di dalam bandar Johor Bahru yang begitu luas yang boleh diusahakan dengan mendirikan

multi-storey buildings yang boleh pula kita sewakan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan hasil daripada pembinaan kompleks yang akan didirikan oleh pihak yang berkenaan ini akan memberikan segala pertolongan dan kemudahan daripada segi untuk meninggikan lagi taraf ekonomi ataupun daripada segi taraf untuk meninggikan kedudukan kewangan pihak Pentadbiran Keretapi itu sendiri. Di Kuala Lumpur ini sendiri di kawasan Sentul rasa saya masih banyak lagi berpuluh ekar yang belum lagi dimajukan oleh pihak Pentadbiran Keretapi dan saya percaya banyak lagi tanah-tanah di kawasan-kawasan lain yang ada di dalam negeri-negeri yang ada di dalam negara kita ini yang dipunyai oleh pihak Pentadbiran Keretapi yang belum lagi dapat diusahakan oleh pihak yang berkenaan itu, dan untuk mengatasi supaya perkara ini dapat dijalankan dengan keadaan yang lebih berkesan lagi rasa saya moleklah pihak Pentadbiran Keretapi ini mencari jalan dan usaha cara mana dan bagaimana supaya tanah-tanah yang masih kosong itu dapat digunakan dengan sepenuh-penuhnya.

Bagi diri saya, suka lah mencadangkan kepada pihak yang berkenaan kalau sekiranya tidak ada peraturan-peraturan yang membolehkan pihak Pentadbiran ini menjalankan perniagaan ataupun tidak ada di dalam ordinan yang berkenaan yang membolehkan pihak Pentadbiran Keretapi ini menjalankan di dalam bidang perusahaan dan perniagaan, maka hendaklah dipinda dan dengan ini saya suka lah mencadangkan kepada pihak yang berkenaan ini supaya menubuhkan satu Perbadanan Keretapi bagi membolehkan pihak Pentadbiran Keretapi ini menjalankan segala langkah-langkah dan usaha-usaha bagi kemajuan pihak Perkhidmatan Keretapi itu sendiri sebagaimana yang kita semua dapat ketahui Perbadanan-Perbadanan yang lain telahpun dapat menunjukkan bukti-buktinya atas usaha-usaha yang begitu mendapat kejayaan yang sangat memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan Kesatuan Sekerja yang ada di dalam negara kita ini, saya telah difahamkan bahawa pihak Kesatuan Sekerja ada membuat rayuan supaya pihak Kementerian Buruh mengemukakan satu pindaan berhubung dengan kedudukan Undang-undang Buruh yang sedang dikuatkuasakan ini. Di

dalam hal ini saya sukalah menarik perhatian pihak yang berkenaan jika sekiranya pindaan-pindaan ini dilakukan saya harap pihak yang berkenaan itu mengkaji dengan secara teliti dan mendalam supaya pindaan-pindaan yang akan dikemukakan kelak akan memberi keputusan hati kepada semua golongan masyarakat yang ada di dalam negara kita.

Pada keseluruhannya Undang-undang Buruh menumpukan kepada kepentingan Kesatuan Sekerja tetapi tidak pula menitikberatkan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja yang ada di dalam kalangan pihak swasta ataupun syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini.

Kita semua sedia maklum bahawa pekerja-pekerja yang ada di dalam golongan pihak swasta ini belum pun pernah terdengar menyuarakan tuntutan-tuntutan samada daripada segi gaji dan juga lain-lain kemudahan kepada pihak majikan-majikan mereka bahkan mereka bekerja mengikut apa yang telah diatitkan, mengikut yang telah diarahkan oleh majikan mereka itu sendiri. Tetapi mereka ini di dalam keadaan yang ketinggalan daripada segi gaji mahupun dari segi kebajikan mereka itu sendiri.

Oleh yang demikian, saya sangat-sangat berharap kepada pihak yang berkenaan apabila mengemukakan pindaan Undang-undang Buruh ini hendaklah meliputi semua aspek yang berkenaan supaya rakyat yang ada di dalam negara kita ini tidak teragu-ragu terutama sekali rakyat yang berada di dalam keadaan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang; yang datangnya daripada kampung-kampung di seluruh pelusuk tanahair kita ini sendiri.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Menyentuh berkenaan dengan keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, syabas dan terima kasih kepada pihak pasukan keselamatan kita dan seterusnya askar-askar kita yang telah banyak memainkan peranan dengan tidak menghiraukan masa dan tenaga serta meninggalkan rumah tangga dan anak isteri untuk mempertahankan negara kita pada masa ini daripada diancam oleh pihak-pihak komunis. Dan disamping mempertahankan

negara kita ini mereka itu juga memberi perlindungan kepada seluruh rakyat yang ada di dalam negara kita ini supaya mereka itu tidak diancam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Dan sebagai kita manusia yang menerima perlindungan dari pihak pasukan keselamatan ini hendaklah rasa saya memberikan kerjasama yang penuh kepada pihak Kerajaan supaya apa juga bentuk pergerakan yang dijalankan oleh anasir-anasir komunis ini dapat kita pertahankan untuk buat selama-lamanya demi untuk kepentingan serta demi untuk menjaga keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan negara kita buat selama-lamanya.

Saya telahpun menyebut perkara keselamatan ini di dalam persidangan Dewan ini pada masa yang sudah-sudah dan suka lagi sekali mengulanginya. Selain daripada menambahkan lagi anggota-anggota pasukan keselamatan, maka hendaklah diperbesarkan lagi gerakan Pertahanan kita supaya dengan membesarkan kedudukan pertahanan negara kita ini akan memberikan satu semangat yang lebih kuat dan kukuh kepada rakyat yang ada di dalam negara kita ini untuk bersama-sama dengan Kerajaan untuk mempertahankan keutuhan dan juga kedaulatan bagi negara dan juga bangsa kita keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kedudukan dadah yang sedang bermaharajalela di negara kita ini saya harap pihak Menteri Undang-undang akan mengambil tindakan yang tegas, setimpal dengan perbuatan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya nampak negara kita ini sudah dipandang begitu serius sekali dengan keadaan dadah kerana sebagaimana kita semua sedia maklum bahawa baru-baru ini terdapat dua orang rakyat Malaysia yang telah ditangkap di Rome dan ini merupakan seolah-olah negara kita ini adalah pengedar dadah yang terbesar sekali di dalam dunia. Dan ini kalau kita tidak awasi dan tidak kawal dengan lebih tegas dan berkesan lagi saya khuatir dadah akan tetap berleluasa di dalam negara kita. Saya percaya dengan adanya kerjasama daripada masyarakat yang ada di dalam negara kita ini sebanyak sedikit pihak yang bertanggungjawab telahpun mendapatkan segala kemudahan daripada pertolongan yang diberi oleh masyarakat yang ada di dalam negara kita ini. Untuk memastikan supaya kejadian-kejadian seumpama ini

tidak berlaku, saya sangat-sangatlah berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil sikap dan tindakan yang tegas supaya orang-orang yang benar-benar terlibat di dalam masalah dadah ini diberi hukuman yang seberat-berat, setimpal dengan perbuatan dan juga kelakuan yang dibuat oleh mereka itu sendiri.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengalu-alukan serta mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah dapat membentangkan satu Belanjawan yang begitu memuaskan yang boleh diterima oleh segenap lapisan masyarakat yang ada dalam negara kita, khususnya masyarakat yang datang daripada luar-luar bandar yang tidak melibatkan dari segi pendapatan mereka itu sehari-hari. Dan dengan adanya Belanjawan yang dibentangkan itu menunjukkan kepada seluruh masyarakat yang ada dalam negara kita ini bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar untuk memberikan perhatian yang sepenuhnya demi untuk kebaikan seluruh masyarakat yang ada di dalam negara kita ini.

4.42 ptg.

Tuan Abdul Manan bin Othman (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam Dewan yang mulia ini yang pada keseluruhannya adalah satu Belanjawan yang sederhana dengan strategi-strategi tertentu untuk membawa kita ke arah matlamat Dasar Ekonomi Baru. Kia harus juga bersyukur dengan adanya tanda-tanda pertumbuhan ekonomi dunia yang mana dengan sendirinya ekonomi negara kita juga akan turut menjadi cerah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga satu-satunya matlamat ialah harapan yang besar yang diharapkan daripada pihak swasta untuk melaburkan modal yang mana dijangka akan berkembang sebanyak kira-kira 10% dari segi sebenarnya di dalam tahun 1977. Kita mengalu-alukan penubuhan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri khusus untuk menyelaras,

mengatur, menyemak dan mengkaji semua aspek-aspek berhubung dengan hal ini. Kita berharap pihak swasta akan menyambut baik penubuhan Jawatankuasa ini dan menggunakan sepenuhnya dan kita juga berharap sungutan-sungutan berhubung dengan Akta Peyelaranan Perindustrian dan Akta Kemajuan Petroleum tidak akan lagi berbunyi.

Kita juga berharap pihak Jawatankuasa tersebut akan juga menyelaraskan tugas-tugas yang harus dimainkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, terutamanya sekali di dalam penyediaan tempat-tempat perusahaan yang tertentu dengan kemudahan-kemudahan asas yang lengkap dan murah serta juga mempercepatkan kelulusan-kelulusan tanah. Banyak galakan-galakan yang akan diberi oleh Kerajaan yang terkandung di dalam Belanjawan ini untuk menggiatkan pelaburan pihak swasta, terutama sekali menghapuskan cukai-cukai atas faedah yang diterima oleh orang-orang yang bukan bermastautin di negara kita di atas pinjaman untuk membiayai pembangunan di kalangan swasta dan juga usaha untuk mempercepatkan elaun susutan kepada perusahaan-perusahaan yang berasaskan sumber-sumber ekonomi negara.

Sayang sekali, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pun penanda-penanda galakan yang baharu selain daripada galakan-galakan yang sedia ada berhubung dengan usaha-usaha mempergiatkan industri-industri di negeri-negeri yang mundur yang mana ini adalah menjadi satu strategi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya berharap pihak Kerajaan melalui Jawatankuasa Kabinet ini akan juga mengkaji galakan-galakan pelaburan yang tertentu serta usaha-usaha khusus yang patut diberi kepada negeri-negeri yang mundur itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya strategi kita dalam usaha menghapuskan kemiskinan ialah memodenkan petani-petani kita, dan menukarkan corak mereka daripada subsistence farming kepada commercially-oriented farming. Ini memerlukan pada pendapat saya rancangan-rancangan dan tugas-tugas yang tertentu serta yang dinamik yang harus diusahakan oleh Kementerian Pertanian, terutama sekali mengadakan kilang-kilang yang berasaskan pertanian. Di dalam segi ini usaha-usaha hendaklah dipergiatkan supaya sikap-sikap petani yang diwarisi itu diubah kepada nilai-nilai yang baharu yang berdasarkan perniagaan.

Di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri, beliau menyatakan tidak ada peruntukan dibuat untuk bayaran yang sedang dibincangkan di antara Kerajaan dengan pihak CUEPACS berhubung dengan Lapuran Ibrahim Ali. Kalaulah Kerajaan melaksanakannya di dalam tahun 1977 di manakah agaknya sumber kewangan itu nanti.

Kita juga menyambut baik peruntukan \$200 juta kepada Tabung Bumiputra yang akan dilancarkan dalam tahun 1977. Ini telahpun tercatat di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi sehingga hari ini butir-butir lanjut belumlah lagi diketahui umum. Saya berharap Kerajaan akan berunding dengan badan-badan bumiputra seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu di dalam pelaksanaannya supaya pelaburan-pelaburan itu akan dapat hasil yang maksima.

4.47 ptg.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Setapak, Rantau Panjang, Batang Padang, Ledang, Bukit Mertajam, Silam, Ulu Nerus dan pada petang ini Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru yang dalam ucapan Belanjawan telah menyentuh masalah dadah berbahaya. Memandangkan ramainya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Dewan ini yang telah membuat soalan-soalan berkenaan dengan dadah berbahaya boleh dikatakan selang satu hari dan juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Belanjawan telah menyentuh masalah dadah itu adalah menunjukkan betapa beratnya masalah dadah hari ini di negara kita. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja orang awam yang ketagih dadah kalau dibiarkan macam ini Ahli-ahli Yang Berhormat pun sudah ketagih—bukan dadah—tetapi masalah dadah (*Ketawa*).

Sebagai Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan mencegah dadah berbahaya itu, saya berasa bangga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersungguhsungguh mengambil perhatian berat dalam masalah ini. Saya dan lain-lain Yang Berhormat Menteri juga serta Ketua-ketua Negara kita telah banyak kali dalam ucapan-nya menyatakan iaitu tanggungjawab untuk

mencegah dan menghapuskan bahaya dadah ini bukanlah tanggungjawab Kerajaan sahaja bahkan juga adalah tanggungjawab rakyat jelata dari semua lapisan.

Kita semua maklum bahawa dadah berbahaya seperti heroin, morphine, candu, ganja dan lain-lain pil bukan sahaja perkara jenayah bahkan juga, Tuan Yang di-Pertua, adalah masalah penyakit sosial yang senang berjangkit dan senang merebak. Undang-undang yang ketat sahaja, hukuman yang berat sahaja walaupun hukuman gantung sekalipun tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang amat besar itu.

Kerjasama daripada orang awam dari semua lapisan khususnya daripada pemimpin-pemimpin masyarakat, ibubapa, guru-guru ketua-ketua kampung, ketua-ketua ugama, ahli Rela dan lain-lain juga adalah amat mustahak oleh sebab masalah ini adalah juga bergantung kepada didikan kepada anak-anak dan panduan kepada muda-mudi berkenaan dengan moral dan akhlak mereka itu. Banyaknya masuk dadah berbahaya ke negara kita ini dan banyaknya bilangan pengedar-pengedar dadah adalah bergantung juga kepada pasaran atau demand iaitu penagih dan bakal penagih samada seorang itu akan menjadi penagih atau tidak, Tuan Yang di-Pertua, terpulanglah kepada moral, didikan dan akhlak seseorang. Dengan sebab itulah masalah ini menjadi masalah sosial yang amat sukar bagi pihak Kerajaan dan kita semua hendak menghapuskan sama sekali. Kalau kita dapat mengurangkan bilangan penagih atau menahan daripada merebaknya pun adalah satu kejayaan bagi kita semua. Bagi pihak pencegah, iaitu Polis, Kastam, Biro Narkotik, semuanya adalah sedar tentang tanggungjawabnya dan sentiasa bekerja keras untuk menjalankan tanggungjawabnya dengan mengambil tindakan-tindakan selaras dengan kehendak undang-undang. Saya bagi pihak Kerajaan pula berasa sangat puas hati dengan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka daripada orang awam pula yang telah menunjukkan semangat kerjasamanya dengan pihak yang berkuasa dan Kerajaan dengan memberi maklumat-maklumat yang sangat-sangat dikehendaki walaupun, mereka itu sedar perbuatannya itu kadang-kadang membahayakan dirinya.

Saya sedar nama baik negara Malaysia kita telah tersentuh di luar negeri oleh sebab

Malaysia adalah salah satu daripada negara pusat pengedar dadah berbahaya walaupun negara kita tidak mengeluarkan dadah seperti heroin, morphine dan candu. Lebih daripada 300 orang Malaysia telah ditangkap di luar negeri kerana kesalahan menyimpan atau mengedar dadah, tetapi sebilangan besar daripadanya bukanlah membawa dadah dari Malaysia, tetapi daripada negeri-negeri lain atau bandar-bandar lain daripada Malaysia. Nama-nama mereka ini semuanya adalah dalam pengetahuan kita di Malaysia dan apakala mereka ini lepas dari hukuman di negeri sana dan balik ke negeri kita ini, kita akan batalkan paspot mereka itu dan tidak diberikan paspot lagi untuk keluar negeri dan segala gerak-gerinya dalam negara kita ini sentiasa kita awasi. Oleh sebab mereka itu telah dibicarakan dan dihukum di luar negeri maka kita tidak boleh membicarakan mereka itu sekali lagi di negeri kita ini walaupun hukuman di luar negeri itu adalah ringan kalau dibandingkan dengan hukuman yang boleh dijatuhkan di dalam negeri kita ini.

Tentang penyeludupan pula, saya suka menyatakan kedudukan negara kita dengan Golden Triangle iaitu di utara Thailand, Laos dan utara Burma adalah kita ini kurang bernasib baik oleh kerana dadah dari Golden Triangle itu boleh melalui keluar daripada dua jalan, iaitu satu dari Bangkok keluar negeri melalui kapal laut atau kapal terbang dan satu lagi jalannya ialah dengan dibawa ke selatan Thailand dan diseludupkan ke Semenanjung Malaysia. Inilah dua jalan. Kalau hendak ke utara tidak boleh, ke Burma tidak boleh dan ke Indo-China memang tidak boleh, jadi satu daripada salurannya ialah Malaysia. Penyeludupan dari utara adalah melalui daratan iaitu di sempadan kita atau melalui laut di Kedah, Perlis atau di pantai Kelantan itu dengan menggunakan kapal terbang oleh penumpang-penumpang kapal terbang yang masuk ke Pulau Pinang dan ke Kuala Lumpur.

Sungguhpun pihak Kastam, pihak Polis, pihak Military telah menjalankan sekatan dan pemeriksaan yang rapi di sempadan Malaysia/Thai dan juga pihak Kastam, Polis dan Navy sentiasa meronda pula di sempadan laut kita di sebelah utara, mereka masih lagi dapat menyeludupkan heroin, morphine, candu masuk ke Malaysia. Oleh kerana morphine dan heroin selalunya diseludup antara, misalnya, satu paun hingga

20 paun—ini selalu, kebanyakan antara 5 dengan 10 paun, maka amatlah senang bungkus yang kecil itu diseludupkan dengan cara-cara yang berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Baru-baru ini dimasukkannya pula dalam frame gambar, memang siapapun tidak sangka. Kemudian baru ini didapati yang datang dengan kapal terbang dalam tingkat dulang yang dibawa dengan tangan (di-bimbit). Kalau diperiksa 5-6 keping memanglah dulang tetapi apakala sampai ke 10 keping bawahnya-lompang, lubang itu penuh dengan heroin. Inilah daripada satu masa ke satu masa cara-cara itu berubah dengan pintarnya. Maka pihak yang berkuasa, Biro Narkotik, Kastam dan Polis sentiasa memikirkan bagaimana cara boleh mengatasi mereka yang bijak ini. Inilah perkara yang sukar.

Saya sebutkan perkara ini sebab banyak rakyat jelata menyatakan mengapa tidak kurang kemasukan dadah ini. Walau berapa banyak pun kita telah dapat menangkap pengedar-pengedar dan merampas heroin dan morphine di utara Malaysia dan diserata Malaysia, dalam bulan lepas sahaja hampir 10 kilo atau 20 paun dalam sebulan tetapi masih lagi banyak juga yang dapat diseludup masuk. Biasanya kalau kita tangkap itu sekian banyak kita tahu lebih kurang 70% yang tidak dapat ditangkap. Kalau kita fikir halus-halus barang-barang yang dicegah masuk seperti beras, kain baju, minuman keras dan arak yang diseludupkan masuk ke Malaysia ini sebegitu banyak kita dengar beras dan kain berlori-lori dibawa masuk, maka adalah amat sukar, kalau tidak, mustahil boleh kita menghapuskan penyeludupan heroin, morphine, candu masuk ke Malaysia dengan cara berbungkus-bungkus yang kecil-kecil. Saya percaya pada masa yang akan datang boleh jadi dimasukkan ke dalam cerut, katanya cerut lepas daripada cukai, dalam botol, dalam cokelat, kalau tidak dibuka dia masukkan dadah dalam cokelat. Maka mustahil boleh kita periksa tiap-tiap orang yang masuk ke negara kita samada dari laut, dari darat, dengan menggunakan kapal terbang dan lain-lain lagi. Perkara ini saya hendak menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata supaya jangan difikirkan apa buat ada Biro Narkotik, ada Polis, ada Kastam, tetapi masih lagi banyak dadah. Kalau berlori-lori beras boleh masuk, begitu juga kain baju dan lain-lain, inikan

pula perkara yang kecil-kecil ini. Kadang-kadang dibawa masuk melalui hippy dalam rambut mereka pun ada, kalau tidak disikat pada masa itu.

Kebanyakan tangkapan dan rampasan dadah yang telah berjaya adalah dengan bantuan dan maklumat yang kita dapat daripada agensi-agensi pihak yang berkuasa. Inilah kebanyakan daripada agen-agen kita yang membahayakan jiwanya, kadang-kadang di seberang Thailand sana memberi maklumat kepada pihak yang berkuasa di Malaysia. Itulah yang kita dapat atau sekali-sekali daripada orang-orang awam. Pemeriksaan yang rapi sekalipun oleh pihak berkuasa tidak akan boleh menghapuskan sama sekali penyeludupan dadah ke negara kita. Demikianlah penjelasan saya atas teguran, sungutan dan soalan mengapa pihak berkuasa Kerajaan, Polis, Kastam, Biro Narkotik tidak dapat menghapuskan dan mengurangkan kemasukan dadah ke negara kita ini. Pihak Kerajaan khasnya Kementerian saya telah memberi top priority atas masalah dadah ini. Pada masa sekarang di samping ancaman komunis, ancaman dadah adalah juga sudah menjadi masalah nasional yang amat besar kepada negara kita. Kerajaan dan rakyat jelata mesti bersamasama mencegah ancaman ini demi keselamatan rakyat dan negara kita.

Penubuhan PEMADAM adalah salah satu cara atau langkah yang diambil bagi tujuan ini dan pihak Kementerian saya bersedia mengambil tindakan dan melaksanakan teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, memang saya meminta bantuan ini walaupun untuk meminda Undang-undang kita yang ada untuk diketatkan lagi. Kalau yang ada ini kurang ketat saya bersedia pada persidangan yang akan datang akan meminda Undang-undang ini lagi supaya dikurangkan lagi siapa-siapa yang menyimpan heroin atau morphine itu boleh dihukum gantung seperti negeri lain. Masa ini yang berhasil baru satu kes yang mana yang dituduh telah dihukum jel seumur hidup dan disebat 12 rotan. Kita menunggu kes-kes yang masih lagi belum dibicarakan samada kita dapati hukum gantung atau jel seumur hidup, terpulanglah pada hakim-hakim membicarakan kes-kes itu memandangkan kegiatan seseorang pengedar itu apakala dijatuhkan hukumannya dan sekiranya kita tidak puas hati dengan hukuman-hukuman yang ada itu kita akan

pinda bila-bila masa demi kepentingan negara kita dan keselamatan negara, saya akan bawa ke Dewan ini untuk dipindakan.

Saya mengkaji segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan masalah dadah merbahaya. Segala teguran dan cadangan-cadangan baik berkenaan mencegah, penangkapan, penerangan, hukuman-hukuman akan saya teliti dan ditimbang oleh Kementerian saya, tidak saya ketepikan, saya bawa balik tiap-tiap yang ada di sini dan saya semak mana yang patut ditimbang dengan saksama, mana yang difikir bagus dan berguna saya akan laksanakan dan mana yang saya fikir tidak amat berguna saya ketepikan dahulu.

Walaupun demikian saya suka juga mengulas satu dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah bercadang supaya penagih dadah yang telah ditangkap jangan dilepaskan sahaja atau dilepas begitu dengan jamin—jangan dilepas dengan jamin. Mereka itu katanya, patut ditahan dengan tiada jaminan atau dituduh dan dihukum di mahkamah. Ini penagih.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus juga telah mencadangkan semua penagih-penagih mesti dihukum. Penagih-penagih bukan pengedar mesti dihukum. Maknanya menjadi penagih adalah satu kesalahan jenayah. Sebenarnya, cadangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu walaupun lama dahulu dibincangkan dengan mendalam oleh Jawatankuasa Penasihat kepada Pusat Biro Narkotik dan Kementerian saya dalam perkara dadah ini. Jawatankuasa ini terdiri dari pakar-pakar dadah, doktor-doktor jiwa—saikoloji, pegawai-pegawai tinggi Kementerian-kementerian Kerajaan. Jawatankuasa ini berpendapat iaitu penagih dadah sebenarnya ialah satu penyakit jiwa atau penyakit masyarakat bukan sebenarnya satu crime atau jenayah. Penagih-penagih yang tidak jadi penjual atau pengedar dadah atau menyimpan dadah hendaklah dirawat katanya dan dipulihkan supaya mereka itu kelak akan menjadi rakyat yang berguna kepada negara dan masyarakat. Bukan jangan dilepas, jangan dibenarkan jamin, terus dihukum. Sekiranya seseorang itu didapati ianya seorang penagih sahaja (bukan pengedar dan penagih) itu adalah jenayah yang boleh dihukum maka, mereka itu tentu tidak tampil

ke hadapan untuk dirawat atau dipulih. Ini bahayanya. Lagi pun kalau penagih itu satu jenayah pula dan dipandang rendah atau keji oleh ibubapanya, masyarakat dan saudaranya, maka beribu-ribu pemuda dan belia-belia kita yang telah menjadi penagih, Tuan Yang di-Pertua, kelak akan menjadi sampah masyarakat dan satu bebanan yang besar kepada negara kita kelak. Ini bahayanya. Yang patut dihukum sekeras-kerasnya ialah penagih-penagih yang menyimpan, yang menjual, yang mengedar dadah dan boleh dihukum bukan kerana penagih tetapi mereka itu dihukum kerana menyimpan atau mengedar dadah. Kita telah tahu iaitu di Malaysia ini lebih 100,000 orang yang menjadi penagih dadah dalam negeri kita dan mereka ini kebanyakannya adalah separuh muda-mudi, kanak-kanak dalam belasan tahun dan kadang-kadang yang masih bersekolah dan juga ada yang bekerja dengan Kerajaan dan swasta. Ini penagih. Lebih 100,000 dan mereka ini telah terperangkap menjadi penghisap dan penagih dadah. Saya tidak fikir menghukum dengan penjara atas penagih-penagih akan mengurangkan penagih.

Sekarang ini penagih-penagih boleh dihukum dengan satu perintah supaya penagih boleh ditahan 6 bulan, satu tahun atau lebih di tempat-tempat rawatan untuk dirawat dan dipulihkan mereka itu. Inilah cara yang dibuat oleh semua negeri yang mengalami masalah dadah dan cara ini adalah disetujui oleh satu badan yang dilantik oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Itu caranya.

Berkenaan dengan tidak diberi jaminan kepada penagih dadah oleh Yang Berhormat dari Setapak, saya fikir tidak dapat hendak dijalankan dengan sebab saya sebut di atas tadi. Walaupun dasar Kementerian saya berkenaan dengan penagih dadah dan undang-undang dipinda untuk memberi kuasa kepada mahkamah, maka cadangan itu amat sukar hendak dilaksanakan, oleh sebab kekurangan tempat dan juga amat besar belanjanya. Saya misalkan satu sahaja. Baru-baru ini 2,300 penagih telah ditangkap di Kuala Lumpur iaitu bulan lepas. Sekiranya semua mereka ini tidak dibenarkan jamin bagaimana cadangan Yang Berhormat dari Setapak dan lain-lain, di manakah hendak ditempatkan 2,300 orang ini dan kalau belanja makannya \$4 sehari, ditahan mereka sebulan misalnya untuk dibicara, ini bermakna Kerajaan mesti belanja makan \$10,000 sehari tidak termasuk belanja-belanja lain, orang yang menjaganya,

tempatnyanya, api dan air. Ini baru di Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua, belum dicampur lagi penagih di Pulau Pinang, Perak, Johor dan lain-lain negeri. Wang perbelanjaan itu boleh jadi berjuta ringgit belanjanya. Adakah lebih baik diberi makan percuma penagih yang patut dilepas dengan jaminan atau difikir untuk menolong orang kampung yang miskin ataupun pelajaran dan lain-lain. Ini yang hendak kita fikirkan dengan halus.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang mencadangkan meminda undang-undang dadah merbahaya supaya penagih-penagih itu dihukum sebat dengan rotan seperti pengedar-pengedar juga. Cadangan inipun hendaklah diteliti dengan mendalam kerana kita tidak mengetahui baik dan buruknya akibat cadangan sebat itu. Saya fikir kalau hendak disebat penagih itu, ibu-bapalah yang lebih patut menyebatnya dahulu. Saya fikir rawatan cold turkey treatment—ini bahasa Inggeris, kalau diterjemah Melayu tidak ada maknanya cold turkey treatment ini—ayam belanda sejuk (*Ketawa*). Cold turkey treatment itu ialah seseorang penagih, bila dia kena menjadi penagih heroin diabwa ke tempat rawatan, ada dua cara. Tiga jam lepas habis heroinnya, datangnya dia terkejut-kejut macam tidak sedar diri berkehendak heroin itu dicucuk atau dihisap, sehingga meronta-ronta, berpeluh-peluh, melambung-lambung, tidak sedarkan diri. Tatkala itu doktor menggunakan dua cara. Satu dicucuk dengan sejenis ubat maka terus dia baik, sihat, hilang segala kehendaknya tadi. Kemudian lepas 6 jam datang lagi, cucuk lagi, sampai seminggu dia hilang ketagih, barulah dipulih. Cold turkey tidak. Bawa ke tempat rawatan, masuk ke satu bilik, kunci dan biarkan. Biarkan dia melambung, menjerit, melenting kesakitan minta injection dan lain-lain, dibiarkan dia berpeluh-peluh dari masa ke semasa turun naik sampai seminggu, separuh nyawa, lepas itu sudah letih betul baru dirawat. Itu maknanya cold turkey. Dalam perasaannya cold turkey, dia ingat makan ayam sejuk di restaurant (*Ketawa*). Saya fikir rawatan cold turkey yang mendatangkan amat kesakitan dan kesengsaraan kepada penagih dadah adalah lebih baik dicuba dahulu daripada disebat.

Di setengah-setengah negeri, misalnya Singapura, cold turkey treatment itu amat berkesan hasilnya. Sebilangan besar penagih yang telah pulih selepas menjalani cold

turkey treatment ini merasa serik dan tidak kembali menjadi penagih lagi. 80% daripada yang pulih itu tidak menjadi penagih semula kerana dia mengenangkan sengsara dan kesakitan cold turkey treatment itu. Tetapi kalau dengan cara yang kita jalankan sekarang ini, cara dengan dicucuk, dan dijaga dia supaya tidak sakit, bila merasa ketagihan dicucuk lagi, daripada yang baik, yang pulih itu, daripada 100 orang katanya. 70% balik semula menjadi penagih.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga mencadangkan supaya Pegawai Biro Narkotik diberi lebih kuasa seperti polis dan askar. Ini saya terangkan, yang sebenarnya Pegawai Biro Narkotik adalah berkuasa sama seperti pegawai polis dan kastam menangkap pengedar dan penagih dadah. Kakitangan Biro Narkotik adalah terdiri daripada pegawai polis yang cekap yang dipinjamkan kepada Pusat Biro Narkotik di bawah jagaan Kementerian saya. Tetapi bilangannya tak ramai, lebihkurang antara 40 hingga 50 orang untuk seluruh Malaysia. Sebahagian besar tugas Biro Narkotik ialah membuat penyelidikan, membuat kajian, mengumpul maklumat-maklumat, pengintipan dan sebagai pembantu kepada pihak polis dan kastam. Sebahagian besar kerja-kerja mencegah dan menangkap ialah dijalankan oleh pihak polis dan kastam, kadang-kadang maklumat diberi kepada Biro Narkotik. Biro Narkotik adalah bekerja rapat dengan kedua-dua jabatan yang disebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah menyatakan tidak puas hatinya dari orang awam yang telah bekerjasama dengan pihak polis dengan memberi maklumat-maklumat pengedar dan penagih kepada polis, tetapi katanya tindakan tidak diambil atau kalau diambilpun amat lambat oleh polis. Inilah yang melemahkan katanya semangat orang ramai, hendak memberi kerjasama kepada pihak yang berkuasa. Saya percaya perkara ini ada berlaku, tetapi bukanlah rasa saya sangat banyak atau merebak. Saya akan bawa perkara ini kepada pengetahuan pihak berkuasa polis. Saya harap juga pengadu-pengadu yang tidak puas hati kepada pihak polis di satu-satu tempat, kalau ada berlaku di tempat-tempat lain, hendaklah menulis kepada Ketua Polis Negara atau kepada saya sendiri sebagai Menteri Undang-undang. Saya akan ambil tindakan dan membetulkan perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang dan seorang dua yang lain, menyeru Kerajaan khususnya Kementerian saya untuk menegerakan mengadakan undang-undang akhlak (moral law). Tuan Yang di-Pertua, menggubal undang-undang akhlak ini adalah satu perkara yang amat rumit, yang amat sukar, yang amat berat. Sebabnya banyak. Saya menyatakan sedikit di sini. Undang-undang ini adalah menyentuh gerak-geri, perangai, kelakuan, adab tiap-tiap orang perseorangan di negeri ini dan juga kaum-kaum yang berbilang agama.

Yang kedua, kesusahan menetapkan takrif akhlak atau moral (the definition of moral). Tak ada seorang pun yang boleh menentukan takrif itu di bawah undang-undang. Lebih rumit pula bila memandangkan separuh penduduk negeri kita beragama Islam, separuh pula bukan beragama Islam dan yang bukan beragama Islam pula ada bermacam-macam agama, bermacam adat resam agama masing-masing.

Yang ketiga, saya percaya orang-orang Islam dan saya juga sememangnya mahukan undang-undang moral itu berdasarkan prinsip Islam. Saya percaya orang Melayu ini kehendaknya. Oleh sebab Islam, kita semua tahu, agama rasmi kita di negeri ini dan kita tahu agama Islam itu adalah bagi kebaikan bukan sahaja orang Islam tetapi juga bagi semua manusia Islam atau bukan Islam. Dan kita belum tahu samada orang yang bukan Islam itu menerima atau tidak dasar itu kelak.

Yang keempat, saya fikir patut juga perkara ini dibincangkan dahulu dalam Majlis Barisan Nasional untuk mendapat persetujuan dan ketetapan daripada Barisan Nasional. Ini akan menyenangkan kerja saya untuk menggubalkan undang-undang, kerana Kerajaan yang ada hari ini bukan sahaja didukung oleh orang Islam, tetapi juga oleh Barisan Nasional. Kalau perkara ini sudah ditimbang dan diluluskan dalam Barisan Nasional, senangnya kita tahu, apa dia undang-undang moral yang hendak kita buat. Hendak menggubal itu senang, tetapi hendak menetapkan satu-satu, adalah susah.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, kalau pun undang-undang akhlak (moral law) ini diluluskan, dapatkah undang-undang ini diimplimentasi dan dilaksanakan di seluruh Malaysia. Implimentasi pula hendak dijalankan di seluruh Malaysia on moral law.

Berapa ramaiakah pegawai dan kakitangan yang hendak kita masukkan kerja, hendak ditambah, berapa banyak pegawai ini. Misalnya, pada masa ini kesalahan khalwat bagi orang Islam pun payah hendak dikawal dan dicegah, pada hal bukan ramai pun payah, banyak juga yang berkhalwat yang lepas. Inikan pula moral law yang diadakan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagaimana hendak menangkap. Misalnya, sesiapa yang pakai baju skirt lapar inci ke atas peha, nampak sampai ke peha, berapa orang hendak mengejanya pula.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai nanti.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Berapa orang yang hendak memeriksa di hotel-hotel. Saya sudah kena di satu bandar di negeri Islam, nama saya Abdul Kadir Yusof Al-haj, lepas itu pula Fatimah Haji Hashim, saya disuruh masuk ke bilik lain. Saya tanya apa fasal? Katanya, bukan suami isteri. Saya tanya lagi apa fasal? Katanya ini bukan Mrs Abdul Kadir Yusof, ini Fatimah Hashim, mana surat nikah? Ini susah. Ini negeri jauh, Tuan Yang di-Pertua. Terpaksa saya menghuraikan satu-persatu, baharu dapat saya masuk sebilik. (*Ketawa*) Ini kalau berlaku di negeri kita, ini pun satu perkara juga. Ini telah berlaku, lillah atas diri saya. Pihak polis sekarang pun masih kekurangan tenaga dan kakitangan untuk mencegah kegiatan kominis, kegiatan jenayah, perompak, dadah, menyimpan pistol. Ini perkara jenayah yang besar-besar pihak polis yang ada 30,000 orang ini pun tak cukup kakitangan dan jenayah ini pula makin bertambah. Ini saya hendak fikirkan juga. Kalau polis kita dikehendaki menangkap kepada mereka yang membuat kesalahan akhlak (moral law), maka saya bimbang penjenayah-penjenayah yang besar ini pula bermaharajalela kerana kekurangan pihak kita mencegah mereka itu. Kerana pegawai-pegawai polis sibuk memeriksa hotel, rumah urut, rumah ini dan tempat-tempat persiaran dan juga akibat-akibat lain akan timbul.

Yang keenam, akibat kepada orang luar yang datang sebagai tourists ke negeri ini. Ini saya fikir perkara kecil, walaupun semua tourists tidak hendak datang-bimbang katanya, kalau datang ke Kuala Lumpur, takut

masuk hotel diperiksa samada suami isteri atau tidak. Kalau tidak ditangkap sebagai khalwat. Ini perkara kecil yang hendak ditimbangkan juga, kerana banyak kehilangan pekerjaan di hotel dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan dengan jelasnya di sini supaya perkara ini tidak selalu dibangkitkan. Yang pertama, perkara ini berbangkit kelmarin ialah kebanyakan Majlis Ugama-ugama negeri-negeri yang saya dapat desakan daripada negeri-negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, mengapakah orang-orang yang bukan Islam tidak dapat dihukum kerana berkhalwat atau berzina dengan orang Islam. Ini puncanya. Saya katakan, kita tidak boleh buat undang-undang yang hendak mengukum orang yang bukan Islam kerana berkhalwat atau berzina dengan orang Islam, kerana Perlembagaan menyatakan undang-undang Islam tidak boleh meyeruh orang-orang yang bukan beragama Islam.

Timbul lagi satu soal, mengapakah tidak boleh Kerajaan adakan satu undang-undang khas dijadikan semua sekali general law bukan syari'ah law for all purposes: khalwat, zina, adultery is an offence for all Muslims and non-Muslims, dibicarakan di mahkamah pula. Ini yang dikehendaki undang-undang moral. Saya akan bawa perkara ini kepada Kerajaan dan parti yang berkuasa, iaitu atas dua cara: mana lebih baik, adakah tujuan asal itu, kita pinda Undang-undang Perlembagaan kita supaya membolehkan orang-orang yang bukan Islam kalau dia berkhalwat atau berzina dengan orang Islam maka bolehlah dia dihukum di mahkamah. Kalau tidak hendak di mahkamah syari'ah, boleh di mahkamah majistret untuk dihukum dengan sedikit pindaan, kita boleh buat. Saya percaya orang yang bukan Islam sangat setuju kerana senang sahaja, jangan ambil orang Islam, kata dia, ambil orang yang bukan Islam, kalau tidak hendak kena hukum. Dan juga orang Islam misalnya, kalau mencari perempuan bukan Islam, mereka yang bukan Islam tidak mahu, kerana kata dia, nanti dia susah—salah, dan kena hukum. Saya fikir ini lagi baik, tidak payah diadakan undang-undang moral yang meliputi segala-galanya yang masalaahnya saya fikir amat sukar. Inilah satu perkara yang susah. Saya sudah gubal dua tiga undang-undang di atas meja saya, daripada sehari ke sehari saya pandang lagi runsing kepala saya. Bukanlah saya tidak hendak ambil berat

dalam perkara ini demi kepentingan semua. Tetapi kalau semua bersetuju hendak ada undang-undang moral dibawah kepada Kerajaan, boleh dijalankan. Tetapi dipinda antara dua cara itu saya percaya kalau kita bawa pindaan kepada Perlembagaan yang sedikit, pihak-pihak yang bukan Islam akan tentu rasanya menyokong pindaan ini, sungguhpun boleh menghukumnya kalau tidak hendak kena hukum, jangan ambil orang Islam, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang juga ada menyentuh perkara rasuah. Kerajaan khususnya Kementerian saya yang bertanggungjawab berkenaan jenayah rasuah ini sememangnya mengambil berat atas masalah mencegah rasuah selama ini, tidak saya membiarkan perkara ini.

Saya puas hati atas kerja-kerja yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara dan saya ada menerima laporan (saya seorang sahaja) sulit tiap-tiap bulan dari Pengarah, Biro Siasatan Negara atas kejayaan-kejayaan dan bilangan-bilangan mengenai siasatan-siasatan samada sulit atau tidak sulit yang telah dijelankannya kepada saya tiap-tiap bulan. Oleh sebab semua tugas-tugas yang dijalankan oleh Biro Siasatan Negara itu adalah kadang-kadang sulit, Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang-orang awam cuma mendengar tangkapan-tangkapan sahaja bila dibuat oleh Biro Siasatan Negara dalam akhbar, talivisyen, atau radio mengatakan bahawa 10 orang telah ditangkap. Tetapi mereka menjalankan kerja dengan diam-diam, pihak Biro Siasatan Negara sememangnya menjalankan siasatannya dengan tidak memperbesarkan dan masa menjalankan siasatan dan juga menangkap mereka, mereka tidak memilih bulu, pangkat, taraf seseorang itu bagaimana bukti yang rasa saya, saya dan pihak Biro Siasatan Negara telah tunjukkan selama ini. Tetapi saya mesti ingatkan, ada banyak, saya cakap terus terang di sini, orang kata mengapa sedikit sangat yang ditangkap. Daripada 500 sebulan, saya ulang sedikit—yang diterima pengaduan, selalunya dengan surat 80% daripada surat itu dengan tidak bersain kadang-kadang. Daripada 500 aduan yang kita terima, lebih kurang 60 atau 50 sahaja yang difikirkan ada berasas atau bukti untuk disiasat daripada 500. Dan daripada itu pula disiasat lebih kurang dalam bulan itu kebanyakannya 10, polis terus siasat, "terbuka", kadang-kadang berakhir

dengan tangkapan—daripada 500 itu tinggal 5 sahaja yang ditangkap. Kalau dapat 5 pun sudah bagus, kerana hendak menuduh seorang itu memang senang, hendak melayankan surat-surat melayang dengan tidak bersain ini memang sudah selalu dibuat di negara kita ini, banyak saya menerima. Kadang-kadang mencemarkan nama-nama orang-orang yang baik-baik, oleh orang yang tidak bertanggungjawab dengan tidak bersain menyebarkan ke sana kemari. Kalaulah perkara surat-surat yang diterima dengan cara melayang-layang begini, Biro Siasatan Negara terus dengan tidak meneliti menyiasat seseorang itu, dengan tidak kira apa juga pun.

Pada pendapat saya adalah tidak bijak, kerana merosakkan nama baik seseorang itu, pada hal seseorang itu boleh jadi tidak ada langsung salahnya. Misalnya, tiap-tiap Ahli Yang Berhormat itu kita dapat surat dan pegawai siasat di rumahnya, apa akan kata jiran-jiran rumah bahawa Biro Siasatan Negara lima enam orang datang ke rumahnya dua tiga hari ini. Padahal bukti itu tidak ada semuanya, tetapi cakap fitnah telah keluar. Ini bahaya yang kita sangat-sangat takut berlaku. Kita tidak mahu menganiyai seseorang itu dan menyiasat seseorang itu. melainkan kita ada bukti yang difikirkan menasabah, cukup adil. Dan saya selalu mengingatkan pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara itu yang mereka bertanggungjawab bukan sahaja kepada rakyat jelata, kepada Kerajaan dan yang mana yang beragama Islam, akan bertanggungjawab diakhirat kelak, kalau sekiranya perbuatannya itu akan menganiyai seseorang itu dengan tujuan lain. Inilah dia keterangan saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh mengatakan kelewatan siasatan kapalterbang Northrop dan lain-lain. Ada perkara-perkara yang berkehendakkan masa, hendak kita siasat, pada hal perkara ini telah berkali-kali telah diterangkan di dalam Dewan ini yang perkara ini sedang disiasat oleh Biro Siasatan Negara, sebab perkara itu kalau kita pandang daripada yang tersiar dalam Far Eastern Economic Review itu berlaku bukan di sini sahaja, di Amerika, di Geneva dan lain-lain, bukan senang hendak mencongkil perkara-perkara itu. Bukan senang hendak dapat maklumat-maklumat, keterangan-keterangan, di tempat-tempat itu mengambil masa yang panjang. Tetapi tiap-tiap kali mesyuarat diungkit-ungkit, mengapa perkara

ini tidak disiasat. Ada perkara-perkara kadang-kadang mengambil dua tiga tahun, baharu kita dapat memberi ketetapan samada boleh ditangkap atau tidak seseorang itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan mengapa orang-orang yang menerima sahaja ditangkap, dibicarakan tetapi tidak pula orang-orang yang memberi. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberitahu dahulu bahawa daripada laporan-laporan yang saya terima tiap-tiap bulan 60% daripadanya yang ditangkap dan dihukum itu ialah terdiri daripada orang yang memberi, 40% daripadanya orang yang menerima, bukan orang yang memberi tidak ditangkap—tidak salah. Ini dia, tetapi kalau dengar cakap di Dewan ini, mengapa orang yang memberi tidak ada kesalahan dan tidak ditangkap. Kadang-kadang kedua-duanya boleh ditangkap, misalnya kalaulah seorang pegawai tinggi terpendang kepada yang memberi dan menerima dihadapan matanya, boleh dua-duanya ditangkap sekali. Tetapi mengapa seorang sahaja kadang-kadang dituduh yang menerima sahaja, kadang-kadang yang memberi dituduh. Ini masalah daripada tanggungjawab saya dan juga pihak Timbalan Pendakwa Raya yang memandang kepada keterangan-keterangan yang ada. Misalnya, saya misalkan kalau seorang Ahli Yang Berhormat berpuluh-puluh kali pergi ke Pejabat Tanah memohon suatu benda, tidak dapat, melainkan orang kata, berilah, baru dapat, sampai diugut, diperah, tambang sudah 10 kali, sudah \$100. Baiklah aku beri \$50 lagi senang katanya. Maka dia pun berilah. Siapa yang besar salahnya? Yang memberikah atau yang menerima? Tatakala itu saya tentu menangkap dan menuduh yang menerimanya dan menggunakan yang memberi itu sebagai saksi saya kerana mereka tidak akan memberi, melainkan mereka itu telah dipaksa, telah diperah memberi, kalau tidak, tidak dapat apa yang dipohon. Inilah sebab-sebabnya kadang-kadang yang menerima ditangkap, kadang-kadang yang memberi juga ditangkap. Ini undang-undang rasuah. Beliau bertanya, mengapakah tidak ditangkap yang memberinya.

Ahli Yang Berhormat itu juga bertanya perbezaan hadiah yang sebenar dan hadiah rasuah. Ini susah sedikit, Tuan yang di-Pertua. Hadiah sebenar, hadiah rasuah. Pada pendapat saya pula, ada tiga macam: hadiah

bersih rasuah; hadiah berbau rasuah; dan hadiah rasuah. Rasa saya ini lebih bagus daripada hadiah kedua tadi.

Saya ingin terangkan di sini sebetulnya ada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan pada kakitangan Kerajaan berkenaan dengan hadiah: mana yang patut diterima dan yang tidak patut diterima, mana yang patut diserahkan kepada Kerajaan atau Perbendaharaan dan mana yang patut ditangkap mereka itu. Saya hendak memberikan satu misal, hadiah yang diberi kepada seseorang yang tidak ada kena-mengena dengan jawatan yang disandang oleh si penerima, hadiah daripada adik pada hari perkahwinan, pada anak saudara atau sahabat handai pada masa perkahwinan. Itu tidak dikatakan salah kerana itu hadiah bersih. Hadiah-hadiah yang kecil-kecil pula seperti bunga, kuih-kuih pada Hari Raya atau pada hari Tahun Baru China, Krismas dan lain-lain di mana orang yang menerima itu menunggu giliran. Saya juga ada menerima pada masa Hari Raya daripada dua-tiga orang China, tetapi pada masa Hari Raya China saya menghadihkannya pula kuih, bunga dan sebagainya. Ini dinamakan hadiah bersih.

Hadiah yang berbau rasuah adalah lain. Hadiah yang diterima oleh kakitangan Kerajaan atau pihak yang berkuasa, misalnya, pengusaha-pengusaha (managers) perniagaan dan dari orang-orang yang ada hubungan dengan kerjanya. Peminjam wang dengan manager bank, ada hubungan dengan tugas dan jawatan seseorang itu pada masa hari jadinya, hari kebesaran dan lain-lain hari. Sekiranya hadiah itu, misalnya ada relationship antara peminjam dengan manager, kontrektor dengan engineer P.W.D. menjaga kontrek itu, antara importers dengan pegawai kastam adalah rasuah tetapi tidak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan Wakil-wakil Rakyat, apabila melawat pengundi-pengundi kawasan itu memberi pisang dan mengajaknya makan—itu tidak termasuk rasuah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Biasanya Ahli Yang Berhormat yang memberi. (Ketawa).

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tetapi kadang-kadang mereka beri juga seperti pisang muda, nenas kepada kita. Kalau tidak ambil, dia akan kecil hati, terpaksa kita ambil, kemudian kita sedekah pada anaknya—duit, itu bukanlah rasuah.

Kalau sekiranya tidak diterima, mereka tidak akan mengundi kita lagi—sombong, katanya. (*Ketawa*). Berkenaan dengan hal itu, Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah bimbang, kerana itu bukan dinamakan rasuah. Saya juga ada diberi pucuk ubi, pisang dan sebagainya.

Berkenaan dengan relationship yang saya sebutkan hadiah-hadiah itu sangat berharga seperti golden Parker fountain-pen, golden Dunhill cigarette lighter. Hadiah ini biasanya diberikan pada hari kebesaran, Hari Raya, hari perkahwinan anak dengan membelikan rantai belian untuk anaknya, itu bagi orang kontraktor. Kalau dia tidak ada kena-mengena dengan jawatan atau kerja, adakah orang ini memberikan hadiah yang begini mahal? Saya hendak tahu. Tentu tidak dan mereka tidak akan datang ke rumah. Hadiah yang seperti ini dinamakan bau rasuah. Kalau hendak ditangkap dia tidak ada bukti. Hadiah begini mengikut perintah Kerajaan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan. Jadi harta Kerajaan. Sekiranya dia hendak hadiah itu kenalah dinilai harganya, dibayar kepada Kerajaan barulah diambil, iaitu daripada haram dihalalkan.

Hadiah yang terus dikatakan rasuah ini senang sahaja iaitu hadiah yang diterima bersangkutan dengan kerja-kerjanya atau tugas-tugasnya yang dijalankan olehnya. Misalnya, kontraktor dengan seorang lain atau seorang peminjam bank dengan managernya, lepas sahaja mendapat pinjaman terus dihantarnya tiga cigarette lighter emas, sepasang fountain-pen Parker emas. Itu digelar hadiah rasuah (*corruption*). Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya menceritakan cara-cara hadiah-hadiah dan banyak lagi hadiah-hadiah antara rasuah dan bukan rasuah, tetapi itulah yang dapat saya terangkan pada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Setakat itulah yang dapat saya jawab dan huraikan atas teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya minta maaf sekiranya ada teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak jawab. Tetapi saya berjanji semua teguran itu saya akan bawa balik dan saya akan semak dengan pegawai-pegawai saya di mana yang berguna saya akan laksanakan, kerana banyak perubahan-perubahan undang-undang Kementerian saya yang telah saya bawa untuk dipindahkan ialah daripada cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Ber-

hormat. Bila saya mendapat tahu banyak suara yang telah mendesak, barulah saya berani dan saya tahu majority ada di belakang saya barulah saya boleh membawanya. Sekiranya seorang dua sahaja bersuara saya kena tunggu sampai banyak sedikit barulah saya berani membawa pindaan.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, cara-cara saya mentadbir Kementerian saya dan menjawab di Dewan ini.

5.36 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan penghargaan saya atas ulasan-ulasan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Permatang Pauh.

Saya tertarik atas minat dan perasaan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang soal masalah alam sekitar. Ingin saya memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya mengambil penuh perhatian atas segala ulasan-ulasan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah jangka pendek diambil dan langkah-langkah jangka panjang sedang dirangka oleh Kementerian saya bagi mengatasi masalah alam sekitar. Bagi jangka pendek segala sungutan akan diberi layanan yang wajar, bagi langkah-langkah jangka panjang Kementerian saya sedang merangkakan satu program yang luas dan mendalam bagi mencegah masalah-masalah pencemaran di negara ini.

Bagi masalah pencemaran udara, Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Kerjasama dan Kemudahan Awam sedang merangka satu program untuk mengawal pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan. Alat-alat untuk melaksanakan program ini sedang diperolehi dari luar negeri dan saya jangka pada awal tahun hadapan satu program dapat dilaksanakan untuk mengatasi masalah pelepasan asap yang teruk terutama sekali dalam Bandaraya Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Dalam bidang pencemaran udara juga, ingin saya memberitahu Dewan bahawa satu program yang luas telahpun dirangka oleh Kementerian saya untuk mencegah semua

pelepasan gas-gas dan debu dari kilang-kilang di negara ini. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama erat agensi-agensi Kerajaan yang tertentu dan akan dijalankan tidak lama lagi iaitu pada awal tahun hadapan.

Bagi masalah pencemaran air, ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa kesulitan ini boleh diatasi dengan secara sistematik sahaja. Kementerian saya telah menjalankan penyiasatan dan menentukan punca-punca pencemaran air. Satu senarai priority telah pun diatur di mana punca-punca yang serius diberi keutamaan, umpamanya, buangan-buangan daripada kilang kelapa sawit, getah dan sebagainya. Standard-standard bagi mengawal buangan-buangan dan pelepasan-pelepasan daripada kilang-kilang ini telah pun disediakan dan aturan-aturan berkenaan akan dikuatkuasakan juga pada tahun hadapan. Peraturan-peraturan bagi mengawal buangan-buangan daripada kilang-kilang kelapa sawit akan digezetkan dan dikuatkuasakan secara program "priority" dan ini akan diikuti oleh peraturan-peraturan mengawal buangan-buangan dari kilang-kilang getah dan kilang-kilang yang membuang apron yang mengandungi logam berat dan racun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kedua-dua bidang pencemaran udara dan air, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa Kementerian saya akan dengan sedaya upaya menumpukan segala tenaganya untuk membersihkan dan menyelamatkan alam sekitar kita.

Pada akhirnya saya ingin memetik daripada ulasan Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh yang sangat tepat dan kena pada masanya iaitu mengikut beliau bahawa kita mestilah menjaga dan memelihara alam sekitar kita kerana kalau kita tidak hormati alam sekitar, alam sekitar itu juga akan memusnahkan kita. Saya dan Kementerian saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dan dengan kerjasama semua pihak, saya yakin kita akan dapat mengatasi masalah-masalah alam sekitar.

5.43 ptg.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran dan juga pandangan serta juga pen-

dapat mengenai Kementerian saya. Semua pandangan dan teguran ini adalah di dalam perhatian Kementerian saya.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai penender-penender Kementerian saya, saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat memberikan bukti-bukti jika ada supaya pihak Kementerian saya dapat mengambil tindakan untuk menyiasat perkara tersebut dengan lebih mendalam dan jika perlu akan dibawa kepada pihak Polis dan saya bersetuju bahawa segala amalan rasuah hendaklah dihapuskan. Saya mohon kepada rakan-rakan yang lain supaya memberikan kerjasama sekiranya terdapat bukti-bukti.

Berkenaan dengan teguran dari Ahli Yang Berhormat dari Parit mengenai kesulitan membaiki kenderaan Kementerian Kesihatan, Kementerian saya sedar tentang masalah ini tetapi masalah ini adalah berkaitan dengan Kementerian yang lain. Perkara ini akan diberi kajian yang mendalam.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai layanan kakitangan hospital, sebagaimana yang telah saya nyatakan berkali-kali di Dewan ini pihak Kementerian Kesihatan dan saya sendiri sentiasa mengingatkan semua pegawai dan kakitangan hospital supaya memberikan layanan yang baik, berbudi bahasa dan berlemah lembut. Jika sekiranya ada mana-mana pegawai dan kakitangan yang tidak memberikan layanan yang baik dan tidak berkelakuan lemah lembut, kejadian seumpama itu hendaklah dilaporkan dengan segera supaya tindakan sewajarnya dapat diambil ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan yang berkenaan. Jika se seorang kakitangan bersikap kasar tingkah lakunya terhadap pesakit, dia hendaklah dilaporkan dengan segera. Tiap-tiap seorang pegawai samada doktor, jururawat atau pembantu hospital dan juga attendant adalah memakai tanda nama di bajunya. Oleh itu, laporan secara spesifik senang dibuat.

Ahli Yang Berhormat itu juga meminta supaya hospital-hospital didirikan di kawasan luar bandar. Keutamaan yang tinggi memang diberi oleh Kementerian saya kepada pembinaan hospital yang baru di luar bandar. Sejumlah \$10,547,000 telah diminta untuk tahun 1977 bagi pembinaan beberapa hospital baru di kawasan luar bandar

di seluruh Malaysia yakni di Semenanjung Malaysia dan juga di Malaysia Timur. Hospital-hospital baru itu adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia—

Hospital Daerah Baling/Sik.
 Hospital Daerah Yan/Kedah.
 Hospital Daerah Selama, Perak.
 Hospital Daerah Sg. Siput, Perak.
 Hospital Daerah Sabak Bernam, Selangor.
 Hospital Daerah Raub, Pahang.
 Hospital Daerah Jerantut, Pahang.
 Hospital Daerah Jertih, Trengganu.
 Hospital Daerah Pasir Putih, Kelantan.
 Hospital Daerah Pasir Mas, Kelantan.
 Hospital Daerah Tanah Merah, Kelantan.
 Hospital Daerah Machang, Kelantan.

Malaysia Timur—

Hospital Daerah Beaufort.
 Hospital Daerah Beluran.
 Hospital Daerah Labuan.
 Hospital Daerah Kota Belut.
 Hospital Daerah Limbang.
 Hospital Daerah Serian.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera, suka saya maklumkan bahawa pada masa ini terdapat 17 buah pusat detection dan 7 buah pusat detoxification. Pusat detoxification ini adalah seperti berikut:

Hospital Besar, Kuala Lumpur	10 katil
Hospital Besar, Pulau Pinang ...	10 katil
Hospital Bahagia, Ulu Kinta, Perak	50 katil
Hospital Daerah, Kuala Kubu Bharu	20 katil
Hospital Besar, Seremban ...	10 katil
Hospital Permai, Johor Bahru	30 katil
Hospital Besar, Kota Bharu ...	10 katil
JUMLAH	140 katil

Selepas detoxification penagih-penagih dadah ini akan dihantar ke pusat-pusat pemulihan di Rumah Kesenangan di Bukit Mertajam yang mempunyai 40 buah katil. Rumah Kesenangan Kuala Kubu Bharu 80 buah katil, dan Rumah Kesenangan Johor Bahru 80 buah katil.

Kerajaan juga sedang merancang untuk menubuhkan comprehensive detoxification dan rehabilitation centre di bawah Kementerian Kebajikan Am dan kemudahan yang cukup akan dapat disediakan untuk detoxification dan rehabilitation.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Parit, Kementerian saya memang sedar dan memberi keutamaan kepada kemudahan-kemudahan dan penempatan doktor ke kawasan luar bandar untuk meninggikan taraf kesihatan di luar bandar terutama sekali di negeri-negeri yang kurang maju ekonominya. Oleh itulah beberapa projek kesihatan luar bandar dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga seperti berikut:

Pusat Kesihatan Besar Baru ...	34
Pusat Kesihatan Kecil dinaikkan ke taraf	36
Pusat Kesihatan Besar	51
Klinik Bidan	85
Klinik Bidan yang dinaikkan ke taraf Klinik Desa	206
Klinik Desa Baru	177

Sungguhpun Kementerian saya berazam hendak menyiapkan lebih lagi projek-projek akan tetapi pembinaan projek-projek ini terhad kepada daya-upaya melaksanakan projek-projek ini dan menyediakan kakitangan-kakitangan. Bilangan doktor yang akan ditempatkan di kawasan luar bandar terdiri daripada semua yang terlibat dalam perkhidmatan kesihatan luar bandar. Menjelang tahun 1980 dijangka ada 429 orang doktor dibandingkan dengan 175 orang pada akhir tahun 1975. Ini termasuklah tambahan doktor yang akan ditempatkan di Pusat-pusat Kesihatan Besar Baru dan di tempat-tempat Pusat Kesihatan Kecil yang terpencil dan juga doktor-doktor yang akan ditempatkan di Pasukan-pasukan Bergerak.

Kementerian saya sentiasa mencari usaha untuk memperbaiki taraf kesihatan di kawasan luar bandar. Oleh itu, pada tahun 1977 Kementerian saya bercadang akan membuat satu kajian besar untuk memajukan kawasan-kawasan yang kurang atau tidak dapat kemudahan-kemudahan kesihatan dan menentukan apa kemudahan-kemudahan tempatan yang boleh digunakan untuk memperbaiki lagi taraf kesihatan di tempat-tempat itu kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang telah menyentuh tentang pakaian jururawat. Perkara ini akan dibincangkan dengan kesatuan Jururawat untuk mendapatkan buah fikiran. Mengenai surau di hospital-hospital, ini memang sudah diadakan, Bilik Sembahyang telah dikhaskan.

Berkenaan dengan kekurangan Ketua Jururawat Bumiputra, perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, telah dijawab oleh saya pada 4hb November, 1976 di Dewan ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

Mengenai penggunaan Bahasa Malaysia oleh pengajar-pengajar di Sekolah-sekolah Latihan Jururawat Penolong Jururawat, di waktu ini kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris digunakan dalam syarahan-syarahan. Setakat ini kita tidak dapat menggunakan Bahasa Malaysia sahaja kerana kekurangan buku teks dalam Bahasa Malaysia. Namun demikian, suka saya memaklumkan kertas-kertas peperiksaan adalah disediakan dalam Bahasa Malaysia dan juga dalam Bahasa Inggeris dan peluang diberi kepada pelatih-pelatih Jururawat untuk menjawab dalam bahasa yang dipilihnya sendiri.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disebutkan ini adalah terlalu umum dan tidak dapat diberi jawapan yang tepat. Namun demikian, saya suka menyatakan kita hanya mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan untuk kes-kes yang cemas di waktu-waktu hospital. Tetapi apa yang kerap kali berlaku ialah ramai pesakit-pesakit yang biasa datang di sebelah malam dengan tujuan mengelakkan kesesakan pesakit-pesakit di siang hari dan juga dengan sangkaan mendapatkan rawatan yang cepat. Bahaya di waktu malam bilangan Pegawai Perubatan adalah terhad, tidak ramai seperti di siang hari, selalunya seorang Pegawai Perubatan sahaja. Inilah yang menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan pesakit-pesakit yang datang di waktu malam.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang perkhidmatan kesihatan luar bandar. Suka saya meyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar tidak diabaikan oleh Kementerian saya. Perkhidmatan-perkhidmatannya sama taraf dengan yang diberi di dalam bandar. Dari masa ke semasa perkhid-

matan ini diperbaiki. Bangunan-bangunan seperti Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Bidan dan Klinik-klinik Desa ditambah. Kakitangan-kakitangan juga ditambah. Sehingga sekarang ada terdapat 62 Pusat Kesihatan Besar, 239 Pusat Kesihatan Kecil, 21 Klinik Desa dan 1,272 Klinik Bidan.

Mulai dari tahun 1973 Kementerian saya telah menambah dan menubuhkan lagi perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dengan melancarkan latihan Jururawat Desa selama 6 bulan. Mereka ini terdiri dari bidan-bidan Kerajaan yang terlatih yang diberi pelajaran tambahan di dalam segi kesihatan Ibu dan Kanak-kanak dan bermacam-macam lagi aspek kesihatan. Juga mulai dari tahun 1975 Rancangan Perkhidmatan Klinik Bergerak telah dilancarkan untuk kawasan-kawasan yang terpencil dan jauh dari bandar. Sehingga sekarang terdapat 26 buah Klinik Bergerak di seluruh Semenanjung Malaysia.

Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, kadar kematian lebih tinggi dalam kawasan luar bandar. Untuk mengatasi keadaan ini, Kementerian saya adalah menjalankan beberapa projek seperti berikut:

- (1) Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan;
- (2) Rancangan Kebersihan Sekeliling Negara;
- (3) Rancangan Kesihatan Sekolah;
- (4) Kempen Kawalan Cacing;
- (5) Rancangan Membasmi Malaria dan lain-lain lagi.

Bilangan kelahiran bagi tahun 1972 dan tahun 1973 menunjukkan bahawa ramai ibu mengandung mati bersalin di hospital. 35.8 peratus dalam tahun 1972 dan 37.18 peratus dalam tahun 1973. Kes-kes yang bersalin di rumah dan disambut oleh Bidan Kerajaan adalah kes-kes biasa sahaja. Kes-kes yang mengalami komplikasi-komplikasi semasa mengandung atau semasa bersalin dirujuk ke hospital. Di Klinik-klinik Ibu Mengandung, Jururawat-jururawat dan Bidan-bidan yang bertugas sentiasa memberi nasihat dan ceramah berkenaan dengan keselamatan semasa bersalin. Dalam ceramah-ceramah mereka ibu-ibu yang patut bersalin di hospital dinasihatkan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Sibu, suka saya menyatakan bahawa di Rancangan

Malaysia Ketiga Kerajaan telah memberi keutamaan yang tinggi kepada projek-projek di kawasan luar bandar dan tempat-tempat yang terpencil. Dengan demikian, dalam rancangan pembinaan hospital-hospital baru di Negeri Sarawak, keutamaan diberi kepada pembinaan hospital di Limbang, Serian dan Seratok. Pembinaan hospital baru untuk bandar Sibu sebagai menggantikan hospital lama telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan tetapi peruntukan yang telah diluluskan ialah untuk memperolehi satu tapak baru dan juga untuk memulakan rancangan dan persediaan pelan-pelan hospital Sibu yang ada sekarang masih boleh memberikan perkhidmatan perubatan kepada penduduk-penduduk di kawasan Sibu dan bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Besar Baru di Sibu adalah satu projek yang terbesar dan dengan demikian Kementerian saya memerlukan masa yang cukup bagi menyediakan pelan-pelan.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus mengenai ubat-ubat yang diminta tidak dibekalkan oleh Setor Pusat, suka saya memberi penerangan yang sebenarnya iaitu semua ubat-ubat adalah diberi dengan cukupnya kepada tiap-tiap hospital dan perbekalan ini sentiasa ditambah dari masa kesemasa, tidak ada kekurangan ubat berlaku. Masaalah yang timbul, Tuan Yang di-Pertua, adalah pesakit-pesakit yang berkehendakkan ubat (patent drug) pilihannya sendiri. Di sini suka saya menyatakan hospital-hospital kita tidak dapat membekalkan atau mengadakan ubat-ubat mengikut kehendak pesakit-pesakit itu sendiri kerana ubat-ubat yang dibekalkan oleh Setor Pusat Hospital yang diberi kepada pesakit-pesakit semua quality dan baiknya sama seperti ubat yang dijual di luar, cuma namanya sahaja yang berlainan sedikit. Tetapi kalau di waktu sesuatu ketika kecemasan, sesuatu ubat yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawa seseorang pesakit itu (life saving) ubat itu akan dibeli untuk menyelamatkan pesakit itu jika ubat itu tidak ada dalam simpanan hospital.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Betong, suka saya memaklumkan, bahawa pekan Betong terletak pertengahan di antara Semanggang dan Saratok. Pada masa ini ada sebuah hospital di Semanggang dan sebuah hospital baru akan dibina di Saratok di dalam Rancangan

Malaysia Ketiga. Ini bermakna bahawa kawasan ini akan mempunyai dua buah hospital untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut.

Pada masa ini seorang doktor membuat lawatan ke Betong sebulan sekali. Lawatan ini akan ditambah lagi apabila Kementerian saya mendapat lebih ramai doktor dan akan memberikan perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk di situ.

Inilah jawapan saya yang ringkas. Jikalau ada masaalah-masaalah ditimbulkan yang tidak mendapat jawapan saya dengan telitinya maka semua masaalah-masaalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan mendapat perhatian khas oleh Kementerian saya.

6.05 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab soalan-soalan dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya suka mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan teguran-teguran yang membina dan semua pandangan tersebut adalah diberi perhatian di mana wajar. Saya tidaklah bercadang hendak menjawab semua persoalan yang telah ditimbulkan satu persatu tetapi hanya akan menyentuh perkara-perkara yang penting yang perlu dijelaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Kementerian baru iaitu Ministry of Construction, untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat dalam pembangunan, dan juga akan dapat membantu kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju bumiputra khususnya.

Sebagai menjawabnya, saya suka memaklumkan bahawa Kementerian yang ada sekarang yang bertanggungjawab berkenaan dengan pembinaan akan mempergiatkan peranannya sewajarnya. Perkara membantu kontraktor-kontraktor dan pemaju-pemaju bumiputra khususnya, memang dalam perhatian Kerajaan dan berbagai-bagai agensi Kerajaan sedang berusaha untuk memberi apa-apa bantuan yang wajar kepada mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada membangkitkan perkara kedengaran sejak akhir-akhir ini bahawa semangat dedikasi pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun telah berkurangan.

Teguran Ahli Yang Berhormat itu adalah sangat umum dan saya tidak dapat memberi jawapan yang spesifik terhadapnya. Bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai butir-butir yang spesifik terhadap perbuatan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, eloklah beliau menyampaikannya kepada pengetahuan pihak yang berkenaan untuk membolehkan siasatan dijalankan terhadapnya.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan kemudahan yang diberi kepada para Menteri dan Timbalan Menteri untuk menggunakan Kapal terbang MAS semasa bercuti rehat.

Saya rasa jawapan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 26hb Oktober, 1976 dalam Dewan ini adalah jawapan yang lengkap dan sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada mencadangkan di antara lain, supaya pegawai-pegawai Kerajaan yang dihantar berkursus pendek di luar negeri hendaklah menggunakan perbelanjaan sendiri dan Kerajaan membayar balik selepas pegawai itu balik dari kursus dan mengemukakan laporannya.

Saya berpendapat bahawa pegawai-pegawai Kerajaan tidak mampu membiayai atau mendahului perbelanjaan untuk mereka mengikuti kursus-kursus jangka pendek di luar negeri dan sekiranya mereka dikehendaki membayar dahulu, maka akan timbul kesulitan-kesulitan kewangan kepada mereka. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, kursus-kursus yang diikuti oleh pegawai-pegawai Kerajaan bukan semata-mata untuk kepentingan mereka sahaja tetapi ialah untuk kebaikan mutu perkhidmatan Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada juga mengesyorkan supaya pegawai-pegawai yang telah mencapai umur bersara disarakan tanpa disambung perkhidmatannya atau dilantik semula selepas persaraan bagi tujuan mengurangkan pengangguran.

Saya ingin menjelaskan bahawa perlanjutan perkhidmatan atau perlantikan semula seseorang pegawai selepas bersara

adalah dibuat semata-mata atas kepentingan perkhidmatan. Bukanlah menjadi dasar Kerajaan bagi melantik semula pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara akan tetapi Kerajaan perlu memberi pertimbangan ke atas kes-kes tertentu berdasarkan kepada meritnya masing-masing. Lanjutan perkhidmatan ini hanya dibuat jika sekiranya tidak ada pegawai lain yang layak menggantikan pegawai-pegawai yang akan bersara itu, terutamanya di dalam bidang iktisas dan teknikal.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga mencadangkan supaya Kerajaan melaksanakan tanggungjawab bagi golongan IV dan I.M.G. sahaja serta mengekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti sewa rumah, COLA dan bonus.

Saya ingin menegaskan di Dewan ini bahawa Jawatankuasa Kabinet yang telah dilantik untuk mengkaji Lapuran Ibrahim Ali adalah membuat pertimbangannya secara menyeluruh meliputi semua aspek perkhidmatan dan tidak ditumpukan kepada sesuatu peringkat yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyeru supaya sebuah Suruhanjaya Parlimen ditubuhkan untuk menyiasat dalam keadaan dan prestasi semua Badan-badan Kerajaan atau separuh Kerajaan di mana wang rakyat dilaburkan.

Sebagai menjawabnya, saya suka menegaskan bahawa ada Kementerian-kementerian dan agensi-agensi tertentu yang sentiasa mengawasi perjalanan badan-badan yang berkanun dan ada Kementerian-kementerian tertentu dan agensi-agensi tertentu yang memberi panduan kepada badan-badan yang berkenaan dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah menyeru kepada Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk membuat kajian, di antara lain, berkenaan dengan berbagai-bagai bidang termasuk kemudahan asas dan penyaluran bantuan peruntukan kepada daerah-daerah yang patut dibantu.

Apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menjadi dasar Kerajaan dalam pembentukan Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan sedang memesatkan rancangan-rancangannya kepada negeri-negeri serta daerah-daerah yang kurang

maju dan kumpulan-kumpulan miskin supaya mereka itu dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyatakan pendapatnya bahawa Kerajaan perlu mengulangkaji semula peranan PERNAS sebagai orang tengah dalam perniagaan dengan Negara China. Beliau mendakwa bahawa barang-barang yang diimport daripada Negara China melalui PERNAS telah menambahkan kos barang-barang itu dan ini akan membebankan lagi orang miskin yang membeli barang-barang tersebut untuk kehidupan mereka.

Perlu saya menegaskan di sini bahawa PERNAS telah ditugaskan oleh Kerajaan untuk menggalakkan perdagangan dengan Negara China secara langsung dengan mengeluarkan lesen import melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sebelum PERNAS mengambilalih, sebanyak 50% barang-barang daripada Negara China diimport melalui negara-negara ketiga seperti Singapura dan Hong Kong, di mana mereka mengenakan komisen sekurang-kurangnya 3%. Setelah PERNAS mengambilalih barang-barang Negara China yang diimport melalui negara-negara ketiga hanya sebanyak 10%. Komisen yang dikenakan sebanyak ½% adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan komisen yang dikenakan oleh negara ketiga.

Selain daripada itu, PERNAS juga mengenakan bayaran perkhidmatan (service fee) sebanyak \$5 bagi tiap-tiap satu lesen dan PERNAS tidak menjual borang-borang permohonan sepertimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bayaran perkhidmatan (service fee) ini dikenakan untuk menampung perbelanjaan bagi menguruskan jabatan dan juga cawangan-cawangan PERNAS.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan tentang Akta Kemajuan Petrolia (Pindaan) 1974 berkenaan dengan perundingan yang sedang berjalan dengan syarikat-syarikat minyak.

Sebagai menjawabnya saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa rundingan-rundingan masih lagi berjalan di antara PERNAS dengan syarikat-syarikat minyak mengenai Perjanjian Perkongsian Pengeluaran.

Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelaburan dari pihak swasta telah dibentuk dan akan juga mengkaji samada pindaan akan dibuat terhadap Akta tersebut.

Sementara menanti persetujuan dicapai mengenai perjanjian tersebut, PETRONAS telah membuat rundingan dengan beberapa negara untuk mendapatkan bantuan teknologi minyak, untuk menolong PETRONAS dalam usaha pengeluaran minyak.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh telah juga bersungut tentang Wakil Rakyat sendiri tidak tahu tentang projek-projek kecil seperti Pejabat Pos di dalam kawasannya.

Adalah difikirkan sungutan yang disuarakan itu boleh diatasi sekiranya Ahli Yang Berhormat itu membuat pertanyaan kepada pihak-pihak yang berkenaan samada di peringkat negeri atau di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan dan penjelasan yang dapat saya beri berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan dasar Belanjawan berkaitan perkara-perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan memberi jawapan dalam masa akan datang tentang hal ehwal agama Islam dalam suatu masa yang sesuai.

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas teguran dan komen-komen yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Boleh dikatakan semua menyentuh soal keselamatan negara dari ancaman sabversib kominis.

Seperti yang telah berkali-kali ditegaskan oleh pemimpin-pemimpin kita, Kerajaan, khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sentiasa menjalankan tindakan-tindakan yang tertentu bagi menjamin keselamatan rakyat di negara ini. Patutlah kita sekalian bersyukur bahawa rakyat sudah mula sedar bahawa tugas dan tanggungjawab

keselamatan tidaklah boleh diserahkan semata-mata kepada pihak Polis dan Tentera sahaja tetapi adalah juga tanggungjawab bersama seluruh rakyat.

Saya sangat berbangga menyatakan bahawa pihak Polis telah mencapai kejayaan yang besar dalam menghapuskan anasir-anasir sabversib Komunis di dalam operasi-operasi yang dijalankan untuk membersihkan kader-kader komunis dan sabversib di negara kita. Saya suka mengumumkan sejumlah 637 kader-kader ini telah ditahan dalam tempoh 5 bulan yang lalu. Kejayaan ini telah dapat dicapai kerana adanya kerjasama rakyat.

Pihak Polis boleh dikatakan telah berjaya menghancurkan infrastruktur pergerakan dan perhubungan anasir-anasir sabversib di negeri Perak, di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, dan bagi negeri-negeri Kedah, Perlis dan Johor, pergerakan dan perhubungan mereka telah dapat dilumpuhkan.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sentiasa berjaga-jaga terhadap tektik-tektik dan cara-cara yang dijalankan oleh pihak Komunis serta anasir-anasir sabversib dan anti-nasional yang sentiasa mencuba mengancam ketenteraman dan keselamatan negara. Seluruh rakyat haruslah sedar bahawa anasir-anasir Komunis akan terus mencuba mengancam keselamatan negara dengan menggunakan kelemahan yang ada pada kita. Dalam perkara ini Kerajaan telahpun mengambil perhatian yang berat dan mengadakan kawalan yang rapi untuk menghadapi teknik-teknik musuh yang berubah dari satu masa ke satu masa. Polis kita telah pun dilengkapi dengan alat-alat senjata yang sophisticated dan moden serta baru, dan seterusnya bilangan keanggotaannya sedang ditambah. Proses untuk membesarkan Polis kita dijangka selesai sebelum tamat Rancangan Malaysia Ketiga.

Di sini sukalah saya bagi pihak Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi jaminan bahawa, kawalan keselamatan di seluruh Malaysia adalah mencukupi, kerana di samping pasukan-pasukan Polis dan Tentera, rakyat biasa juga telah mula melibatkan diri dan menunjukkan semangat yang kuat, untuk mempertahankan negara ini dengan menyertai di dalam aktiviti-aktiviti RELA, Rukun Tetangga dan sebagainya. Jumlah rakyat biasa yang menyertai RELA adalah sangat menggalakkan dan mereka ini

sanggup berkorban untuk kepentingan negara. Begitu juga di kawasan Sempadan Malaysia/Thai, pihak Polis dan Tentera bertugas dengan rapi, dan di setengah-tengah tempat pihak RELA menjadi pasukan tambahan kepada pasukan keselamatan demi menjaga keselamatan bagi penduduk-penduduk di situ. Adalah juga dianggarkan Border Security Unit akan dilancarkan 1977-bukan sahaja untuk mencegah gerakan-gerakan Komunis tetapi gerakan penyeludupan di kawasan sempadan.

Menyentuh tentang kebocoran rahsia Kerajaan seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menyatakan bahawa perkara ini memang sentiasa di dalam perhatian Kerajaan. Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan sentiasa mengawasi kedudukannya dan tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sesiapa pun yang didapati melanggar undang-undang di bawah Akta Rahsia Rasmi. Dalam pada itu, pemeriksaan yang giat sedang juga dijalankan di semua Jabatan-jabatan Kerajaan bagi membantu Ketua-ketua Jabatan untuk menentukan supaya keselamatan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang penting dapat terjamin.

Sekarang suka pula saya menyentuh mengenai perkara perkhidmatan dan kebajikan Pasukan Polis yang telah dibangkitkan oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, sukacita saya menyatakan bahawa Jabatan Polis memang sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan anggota-anggotanya. Perkara menubuhkan Pusat Pemulihan bagi Pasukan-pasukan Keselamatan yang telah cedera semasa menjalankan tugas mereka, sukacita saya memaklumkan bahawa syor ini adalah baik, dan sebenarnya Kementerian ini sedang menyiapkan satu kertas kerja untuk dikemukakan kepada Jumaah Menteri. Berkenaan dengan mempercepat pembayaran Gaji Baru Pasukan Polis, adalah dinyatakan tawaran telah dibuat kepada semua anggota untuk membuat pilihan samada hendak memasuki sekim perkhidmatan baru. Option ini terbuka sehingga akhir tahun. Bayaran gaji mengikut tanggagaji baru adalah dibuat sebaik sahaja seseorang anggota menerima tawaran itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesyorkan agar penggunaan Paspot Terhad sebagaimana yang diamalkan di antara

Malaysia dengan Singapura diperluaskan pula kepada Indonesia. Pada hemat Kementerian ini cadangan ini kenalah dikaji dengan sedalam-dalamnya kerana keadaan antara Malaysia dengan Singapura dan keadaan antara Malaysia dengan Indonesia adalah berlainan antara satu dengan lain.

Ada juga Ahli Yang Berhormat menyentuh soal Kompleks Imigeresen di Keroh. Ini memanglah menjadi satu projek priority di Kementerian ini dan projek ini akan dibina tidak berapa jauh daripada tempat yang ada sekarang ini yang didapati sesuai dan akan dilengkapi dengan Polis dan juga Kastam dan peruntukan-peruntukan permulaan telahpun disediakan untuk menjalankan kerja bagi menyiapkan Kompleks Imigeresen di Keroh yang kita tahu tempat yang ada pada hari ini sudah tidak berapa sesuai lagi bagi menjaga check point masuk ke negara kita daripada Betong itu.

Satu perkara lagi berkenaan dengan poster-poster lucu. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh perkara ini maka sukalah saya hendak menyatakan di sini bahawa perkara ini sentiasa ada dalam perhatian dan kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tindakan-tindakan yang tertentu telah, sedang dan akan terus diambil terhadap poster-poster yang menjolok mata di bawah undang-undang yang ada sekarang. Untuk mengetatkan lagi kawalan poster-poster seperti ini satu Jawatankuasa Garisan Panduan Pengiklan telah ditubuhkan untuk mengkaji dan mencari jalan bagi memperbaiki lagi kawalan yang ada pada hari ini jika didapati kawalan yang ada itu tidak begitu memuaskan lagi.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat meminta supaya Kerajaan membatalkan amalan memperluas permit penerbitan tiap-tiap tahun. Di sini sukalah saya hendak menjelaskan bahawa amalan yang diikuti itu adalah mengikut kehendak Akta Mesin Cetak, 1948 iaitu seksyen 7. Kerajaan khasnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berpendapat amalan yang diikuti sekarang tidak patut dibatalkan lagi dan adalah didapati bahawa renewal itu perlu untuk dijalankan pada masa ini.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh soal Orang-orang Asli samada dalam bahasan ataupun dalam soal-soal jawab di Dewan ini. Kerajaan kita sangat mengambil berat perkara ini; dan satu program penyusunan semula secara besar-besaran kampung-kampung orang-orang Asli sedang dirangka oleh Kementerian ini. Yang Berhormat Menteri telah mengarahkan supaya Tiga Pilot Projek secara besar-besaran disediakan; satu di Perak, satu di Pahang dan satu di Kelantan. Tiap-tiap projek ini merupakan kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan persiapan-persiapan sedang diadakan untuk mencari jalan supaya pentadbiran projek-projek ini licin dan lancar. Kerana beberapa masaalah berhubung dengan Orang Asli ini ada kaitan dengan Negeri dan pentadbiran keseluruhannya adalah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, maka adalah didapati perlu dikaji dengan dalam supaya tiap-tiap projek ini berjalan dengan licin dan lancar.

Matlamat Kerajaan kita ialah hendak mempercepatkan intergrasi antara Orang-orang Asli dengan rakyat biasa di negeri ini. Dalam merangka projek-projek perkampungan Orang-orang Asli yang modern ini maka usaha ini memerlukan priority memandangkan keadaan keselamatan negara kita dan Orang-orang Asli kita ini terlalu exposed kepada ancaman-ancaman komunis.

Dalam soal keselamatan negara ini kita sudah seharusnya berasa bangga dapat mencapai kejayaan setakat ini dan pihak Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama rakyat untuk mencapai apa yang kita capai hari ini. Apa yang perlu kita buat sekarang ialah mengekalkan kerjasama antara Kerajaan dengan rakyat bagi mencapai kejayaan yang lebih besar lagi di masa hadapan. Usaha dan tenaga Kerajaan berjalan sejajar dengan kerjasama serta azam rakyat menentang musuh komunis ini. Kita tidak boleh sekali-kali "relax" dalam usaha menentang komunis ini kerana jika kita "relax" maka timbullah "vacuum" semula dan kita jangan sekali-kali membiarkannya seperti kata pepatah: "Pisang berbuah dua kali".

Dalam mencapai kejayaan ini kita janganlah lupa dengan adanya kerjasama yang erat antara Kerajaan kita dengan Kerajaan-kerajaan Singapura, Indonesia dan Thailand kerana komunis ini adalah musuh bersama atau "common enemy". Dalam perbincangan antara Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan pemimpin-pemimpin baru di Bangkok baru-baru ini maka lahir satu ke-

azaman baru untuk mengeratkan lagi kerjasama antara kedua negara bagi menentang musuh ini. Hubungan kita dengan Kerajaan baru di Bangkok pada hari ini khasnya dalam soal keselamatan lebih baik dari yang pernah kita alami semenjak satu dua tahun yang lalu dan hasil daripada perbincangan di Bangkok itu maka dengan serta-merta diadakan pula Persidangan di Pulau Pinang, bermula semalam iaitu Jawatankuasa Keselamatan Sempadan Malaysia/Thai. Persidangan itu masih berjalan lagi di Pulau Pinang.

Kejayaan kita bertambah rancak lagi dengan adanya "exchange of information" khasnya antara Kuala Lumpur dengan Singapura berhubung dengan anasir-anasir kominis yang cuba hendak memupuk fikiran rakyat supaya menerima ideologi kominis di negara kita ini. Dalam perjuangan kita menentang kominis tidaklah boleh kita fikirkan gerakan mereka terhad di Malaysia sahaja tetapi gerakan mereka itu ditujukan keseluruhan negara sebelah sini khasnya Thailand, Singapura, Malaysia dan Indonesia yang pada mereka itu negara-negara ini adalah target mereka belaka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sangat menitik-beratkan kerjasama sarantau ini iaitu dari Kerajaan Thailand, Singapura, Indonesia dan Malaysia untuk meneruskan perjuangan kita menentang kominis.

Saya ibaratkan usaha kominis menyemai ideologi di negara ini sepertilah menyemai biji

lada di musim kemarau. Kita memerlukan ramai kakitangan untuk membaja dan menyiram semaian itu dan jika tidak maka sudah tentulah semain tersebut tidak akan tumbuh. Begitu juga dengan usaha kominis ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Datuk Shariff Ahmad: Ada satu baris sahaja lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik. Bolehlah dihabiskan.

Datuk Shariff Ahmad: Jika kita secara disedari atau tidak disedari memberikan pertolongan untuk membiakkan maka akan subur lah ideologi kominis di negara ini tetapi sebaliknya jika rakyat di negeri ini tidak berbuat demikian, maka selagi itulah ideologi kominis tidak berkembang di negara kita. Dengan lain-lain perkataan, kekuatan kominis ini hanya wujud daripada kelemahan kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 12hb November, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.